AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pēlita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 38 | RABU 21 SEPTEMBER, 1983. | رابو 13 ذوالحجة 1403 | PERCUMA



KEBAWAH D.Y.M.M. bersiap sedia untuk memandu kereta perisai Scorpion dalam lawatan Baginda ke Skuadron Kereta Perisai di Padang Tembak Binturan.

## D.Y.M.M. tinjau Skuadron Peninjau

BINTURONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah telah berangkat bercemar Duli ke Padang Tembak Binturan pada Khamis lepas bagi menyaksikan secara dekat pasukan tentera darat Askar Melayu Diraja Brunei yang terdiri dari Skuadron Peninjau Kereta-Kereta Perisai yang pada ketika itu juga sedang menjalankan latihan menembak di padang tembak tersebut.

Berangkat sama ialah adinda Baginda, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. Keberangkatan tiba Baginda berdua dengan pesawat helikopter yang berasingan telah dialu-alukan oleh Pemerintah Pasukan, Brigedier Jeneral JPW Friedberger, Timbalan Pemerintah Batalion Kedua, Y.D.M. Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Leftenan Kolonel Haji Hussin.

Sejurus selepas ketibaan Baginda dan adinda, Ketua Skuadron Peninjau Kereta Perisai, Mejar Othman bin Haji Hasbollah memberi taklimat berhubung dengan latihan-latihan yang dijalankan yang mana Baginda kemudiannya meninjau secara dekat mengenai kebolehan dan kekuatan kereta perisai Scorpion.

# KERJA2 AMAL BUKTIKAN TAATSETIA

Oleh: Zubaidah HS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bertitah bahawa keaktifan dalam kerja-kerja amal yang ditunjukkan oleh Pertubuhan-Pertubuhan wanita di negara ini telah membuktikan ketaatsetiaan mereka kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Pertunjukan Bunga-Bunga Hidup dan Orkid yang di pamerkan oleh Pertubuhan Perkumpulan W.I. Brunei pada hari ini telah menampakkan kematangan dan minat kaum wanita kita dalam lapangan penanaman dan pemeliharaan bunga-bunga dan pokok-pokok perhiasan, titah Baginda.

Baginda percaya, kejayaan yang dicapai oleh Perkumpulan Pertubuhan W.I. ini bagi sama-sama mengambil bahagian dalam menyertai perayaan sempena menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan akan dapat menjadi pendorong kepada pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain di negara ini pada mengadakan berbagai-bagai acara yang berkebajikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Upacara Pembukaan Rasmi Pertunjukan Bunga-Bunga Hidup dan Orkid sempena Puja Usia ke-37 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang dianjurkan oleh Pertubuhan Perkumpulan W.I. Brunei.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Pertunjukan Dayang Hajjah Marhani bte Abdul Latif dalam sembah ucapan alu-aluannya merasa bersyukur dan berterima kasih atas sikap Kerajaan yang sentiasa memberi layanan yang baik terhadap kaum wanita di negara ini.

Lihat muka 24

### MANISNYA IMAN

"YA ALLAH! Keampunan-Mu lebih luas dari dosa-dosaku, dan rahmat-Mu sangat kuharapkan (dari cuma bergantung) kepada amal perbuatanku." — HADIS Nabi riwayat Al-Hakim daripada Jabir bin Abdullah.

## D.Y.M.M. sembahyang raya bersama rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di Brunei menyambut Hari Raya Haji tahun ini hari Ahad 18 September lepas. Sebagaimana lazimnya sambutan hari yang mulia itu dimulakan dengan menunaikan sembahyang Hari Raya berjemaah di masjid-masjid dan surau-surau seluruh negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat bercemar Duli menunaikan sembahyang Hari Raya Aidiladha bersama-sama rakyat Baginda di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara. Berangkat bersama-sama Baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan lain-lain kerabat Diraja.



Sebaik-baik saja selesai menunaikan sembahyang hari raya rakyat berkesempatan pula junjung ziarah dan mengucapkan selamat hari raya kepada Baginda serta kerabat-kerabat Diraja.



KETIBAAN Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Pertunjukan Bunga-Bunga Hidup dan Orkid dijunjung ziarah oleh Ahli-ahli Perkumpulan Pertubuhan W.I. Brunei.

Pelita Brunei

21 SEPTEMBER, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SELEPAS MERDEKA: SOALAN YANG MENGANDUNGI JANGKAAN DAN HARAPAN

Apabila negara kita merdeka, apakah akan ada perubahan dalam corak Kerajaan?

Soalan mengenai hal ini hampir sama formetnya di mana-mana di setiap peringkat orang-orang kita pada masa ini. Dan setakat yang dapat dikesan menerusi gerakan Penerangan kepada orang ramai dapat pula dikatakan bahawa soalan sedemikian merupakan perkara biasa dalam masa mereka membuat jangkaan dan menaruh harapan-harapan berikutan pencapaian semula kemerdekaan penuh.

Jawapan yang dapat diberi kepada soalan tersebut sentiasa merujuk kepada kedudukan sebenar susunan dalam pemerintahan semenjak Brunei mempunyai Perlembagaan dalam tahun 1959, dan juga merujuk kepada taraf Brunei sebagai sebuah negeri naungan. Dengan rujukan tersebut orang ramai dihasratkan akan berpeluang memahami dengan betul dan melihat dengan jelas corak dan taraf Brunei serta Kerajaannya. Tegasnya peluang sedemikian itu dijangka boleh membantu mereka menerima hakikat bahawa peralihan kepada taraf sebuah negara yang merdeka bagi kita hanyalah melibatkan tambahan beberapa tanggungjawab khusus dalam bidang pertahanan dan hal-ehwal luar negeri. Sebab perkara-perkara lain dalam pemerintahan sudahpun berada dalam tangan Brunei.

Bagaimanapun kerana tanda-tanya di kalangan hampir semua peringkat orang-orang kita itu adalah berikutan daripada jangkaan dan harapan yang dipertaruhkan terhadap pencapaian semula kemerdekaan maka penerangan-penerangan seperti yang telah dibuat itu baru sekadar menjelaskan kedudukan yang sebenar. Dan sememangnya setakat had itulah yang dapat disampaikan.

Dalam pada itu tidak bermakna semua peringkat orang-orang kita patut mengenepikan kepentingan pemahaman yang betul mengenai Kerajaan — kedudukan, taraf serta coraknya yang ada. Sebaliknya selain perlunya pemahaman mengenai hal-hal itu ialah juga pemahaman mengenai asas-asas kenegaraan kita yang sudah dirumuskan menerusi Perlembagaan dan lain-lain Undang-undang Bertulis. Dengan kefahaman yang baik mengenai kedua-dua aspek tersebut kita semua akan menampak dengan sejelas-jelasnya bahawa kita bukan akan mulai membentuk negara berikutan daripada pencapaian semula kemerdekaan bahkan Brunei negara kita sudah sedia terbentuk dengan asas-asas yang jelas dan nyata.

Itulah strategi Penerangan ... memahamkan erti kemerdekaan ... dicapai. Dalam pelaksanaannya ... sambutan orang ramai ... sehingga kita dapat ... semacam suasana yang ... ramai menyatakan sebarang ... secara munasabah ke ... semula kemerdekaan. ... dengan cara itu orang ... didorongkan ke arah ... berpatutan dalam mereka ... jangkaan dan harapan ... hadapan Negara Brunei Darussalam ... merdeka.

Dalam apa halpun, suatu yang ... nya sudah jelas dan diambil ... semua ialah Brunei yang merdeka ... rakyatnya memerlukan Kerajaan ... dan mantap bukan sekadar ... fungsi memberikan perkhidmatan ... kemudahan bahkan juga ... birkan negara sepenuhnya serta ... rakyat ke arah menepati ... dan bangsa yang merdeka. ... perkara biasa untuk difahamkan ... Kerajaan yang sedemikian ... berusaha mendapatkan ... kepercayaan rakyat secara ...

# PERUTUSAN HARI RAYA AIDILADHA

# IBADAT HAJI MENGAJAR KITA MENCARI YANG HALAL DAN BAIK



YDM Pehin ... Dato Seri Setia ... Yahya bin Haji ...

BERSEMPENA Sambutan Hari Raya Aidiladha Tahun 1403 Hijrah berikut ini ialah perutusan menyambut hari yang mulia itu oleh YDM Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Allahu Akbar (7 Kali) Allahu Akbar Walillahilhamdu**

KITA mengucap syukur dan Tahmeed kepada Allah yang telah menjumpakan kita lagi sekali dengan Aidiladha, selawat dan salam kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, kepada kaum keluarga, sahabat handai dan para pengikut Baginda hingga hari kemudian.

Sambutan kita terhadap bulan Zulhijjah atau bulan Haji dan Sembahyang Hari Raya Haji dengan sendirinya mengaitkan kita kepada dua jenis ibadat, satu ibadat wajib iaitu Manasik Haji yang menjadi rukun Islam kelima dan satu lagi ibadat sunnah iaitu korban yang telah dimulakan sejak Nabi Ibrahim Khalilullah, sebagaimana yang telah diceritakan di dalam Al-Quran. Dalam hubungan inilah maka sembahyang Sunat Hari Raya Haji itu pada pendapat ulama-ulama lebih utama daripada sembahyang sunat Aidilfitri — walaupun di negeri sebelah sini perayaan menyambut Aidilfitri itu lebih nyata dan ramai pada kebiasaan adat masyarakat-masyarakatnya. Tapi kebiasaan itu bukan patut menjadi halangan dan masalah, dalam hal ini yang pentingnya ialah kesahihan ibadat kerana Allah untuk mendapatkan rahmat dan reda-Nya supaya kita hamba-hamba-Nya mendapat kebahagiaan hidup dunia dan akhirat — dengan keampunan dari dosa dan siksa Allah.

### CITA-CITA

Tujuan dan cita-cita manusia hidup seperti ini telah diasaskan sejak dari bapa sekalian manusia lagi iaitu Nabi Adam, ketika Baginda datang mengerjakan Haji setelah diturunkan dari Syurga. Dalam sebuah hadis yang tersebut dalam kitab Khasyful-Ghummah antara lain menyebutnya bahawa apabila Nabi Adam datang ke Mekah mengerjakan Haji, Baginda telah disambut oleh para malaikat di satu tempat bernama Bathaa. Para malaikat itu memberi pesan kepada Nabi Adam supaya mengerjakan Haji dengan sempurna supaya jadilah Hajinya itu Mabrur. Para Malaikat itu sebenarnya telah lebih dulu mengerjakan Haji selama dua ribu tahun sebelum Adam — Menurut hadis lagi apabila Nabi Adam selesai mengerjakan Haji Allah Taala menyuruhnya meminta sesuatu. Permintaan Nabi Adam iaitu supaya Allah mengampun dosanya dan dosa anaknya. Allah telah mengampun dosa Nabi Adam, adapun dosa orang lain itu maka Allah akan mengampunkan dosa orang yang beriman kepada-Nya, kepada para Rasul dan kitab-kitab yang diturunkan-Nya, demikian di dalam Kasyful Ghummah (1/215).

Ada banyak hadis-hadis telah menerangkan dan menunjukkan ibadat Manasik Haji itu menghapuskan dosa-dosa yang sebelumnya bagi seseorang hamba yang benar-benar sempurna perbuatan Hajinya itu. Oleh itu sempena bulan mulia ini marilah kita berdoa mudah-mudahan saudara-saudara kita jemaah Haji Brunei yang sekarang berada di tanah suci itu akan mendapat Haji yang mabrur dan dengan demikian mendapat keampunan dari Allah dan terlepas dari segala dosa yang lalu — dan kita berdoa mudah-mudahan Allah pula akan meluangkan kesempatan dan berkat kepada kita dapat mengikut jejak langkah mereka di tahun-tahun akan datang.

### PERSEDIAAN

Ibadat Haji adalah ibadat yang suci dan memerlukan persediaan-persediaan moral dan material yang juga perlu suci dan disucikan — inilah yang patut menjadi perhatian kita. Jika salah satu, apatah lagi kedua-keduanya tidak wujud — maka manasik akan menjadi sia-sia. Umpamanyalah perbelanjaan naik Haji — disyaratkan baik, halal dan suci dari segala syubhat dan haram. Sebab harta yang tidak halal yang didapat dari sumber-sumber haram atau syubhat tidak akan memabrurkan Haji. Ini disebutkan dalam sebuah hadis yang bermaksud: Jika keluar seseorang mengerjakan Haji dengan menggunakan belanja yang baik, lalu dia meletakkan kakinya di atas kenderaan lalu dia mengatakan: Labaikallah Humma Labaik maka nanti ada satu panggilan dari langit membalas yang ertinya: Aku (Allah) menyahut seruanmu. Berbahagialah engkau, bekalan halal, kenderaanmu halal, Hajimu mabrur tiada bersalah. Adapun jikalau seorang itu keluar mengerjakan Haji dengan belanja yang tidak baik — maka apabila dia berseru Labaikallah Humma Labaik nanti ada suara dari langit mengatakan: Tiada sahutan bagimu, tiada engkau bahagia, bekalanmu haram, belanjamu haram. Hajimu tiada diberkati — (1/215 Khasyful — Ghummah ).

Demikianlah, pengajaran dari Ibadat Manasik Haji itu menghendaki kita terutamanya berhati-hati dan mengamati setiap sudut kehidupan kita untuk mencari yang baik dan halal yang mana natijahnya pun baik dan bisai. Sebab orang boleh mencari harta dan boleh mengerjakan Haji berkali-kali dalam hidupnya, tetapi tiada ia terjumpa nikmat dan kelazatan Haji itu, bahkan perangainya, amal ibadatnya tiada perubahan — malah mungkin lebih buruk — kerana dia tidak mendapat berkat Haji — Haji yang mabrur yang dicari tiada terjumpa — maka percuma tenaga, wang ringgit dan masa terbuang.

### KORBAN

Dalam hubungan inilah ibadat korban yang disunatkan dilakukan pada Hari Raya Haji dan Hari-Hari Tasyrik (hari 10, 11, 12, dan 13 Zulhijjah) patut pula kita perhatikan dengan baik — kerana korban itu satu ibadat yang memerlukan ikhlas, jujur dan takwa, seperti yang diasaskan oleh Nabi Ibrahim yang asalnya diperintahkan menyembelih anaknya Nabi Ismail Alaihimassalam — menampakkan satu pernyataan taat setia dan bakti kepada suruhan Allah yang tiada bandingnya. Seorang ayah sedia menyembelih anak semata-mata kerana suruhan Allah — demikianlah sebagai gantinya kita disuruh menyembelih binatang untuk melambangkan taat setia kepada Allah.

Seperti Manasik Haji juga — orang boleh mengorbankan banyak harta benda — banyak, kambing dan kerbau, tapi apakah niat di sebalik itu? Pertimbangan akan dinilai dari segi niat — kerana perbuatan **"mura'ah"** memperlihat-lihatkan dengan tujuan bermegah-megah tidak akan mendatangkan sesuatu yang baik. Allah berfirman dalam surah Al-Hajj (ayat 37) tafsirnya: "Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Ia (Allah) memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah ... kepada orang-orang ... berusaha baik ...

Oleh sebab ... itu mendatangkan ... kesan ... mempertegaskan ... takwa kepada ... Nabi Salallahu ... Wassalam ... supaya ... kemampuan — ... dapat dalam ... Baginda ... tinya: "... Islam yang ada ... untuk ... tidak ... bolehlah dia ... kalau ia mahu ... seperti orang ... kalau ia mahu ... Nasrani.

Sesungguhnya ... kehidupan kita ... menghadapi ... masalah yang ... sikap rela ... perlu ... berlapang dada ... tanpa ... sifat dan sikap ... ini adalah ... dalam ... masyarakat dan ... anggota-anggota ... telah diajarkan ... melalui ibadat ... ibadat korban.

Mudah-mudahan ... membuka lembaran ... yang baru ... yang lebih ... pemerhatian ...

Allahu Akbar ... Walillahil-hamdu

# DARI MAJLIS TAKLIMAT



PESERTA sedang mendengarkan penerangan dari Pengarah Penerangan.

## Tenaga luar:

## FIRMA2 PATUT BERI PERHATIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Matlamat ke arah mengurangkan pergantungan kepada tenaga-tenaga luar patutlah sama-sama diberi perhatian oleh kalangan firma-firma dan syarikat-syarikat perniagaan.

Pengarah Penerangan Awang Haji Badaruddi bin Pengarah Haj Othman menyarankai demikian kepada 27 oran ahli-ahli Dewan Per niagaan Negara di Majli Taklimat Penerangan d Bahagian Penerangan d sini pagi hari Rabu lepas.

Katanya, kekurangai tenaga-tenaga profesiona dan separuh profesiona memang sangat ketara dai seakan-akan fenomin yang tidak mungki berubah disebabkan pen duduk yang sedikit dai menjadikan sumber tenag bagi mengisi keperlua pembangunannya sanga terhad.

Keadaan itu, jelas belia lagi, hendaknya jangan di jadikan alasan oleh pihak pihak di luar sektor kera jaan dengan memilih jala mudah untuk teru mengimport tenaga yan mereka perlukan tanp mengambil kira aspiras dan ekspektas rakyat — terutama rakya asal — bagi sama-sam menyertai dan memegan peranan yang berkesa dalam kemajuan negara.

Awang Haji Badaruddi menegaskan bahaw pihaknya mempunya maklumat yang cuku yang menandakan rakya sangat berhasrat untul menyertai dan memegan peranan yang berkesa dalam setiap perkem bangan dan kemajua yang sedang pesat ber jalan.

Menurutnya, apa pu penilaian dibuat ke ata keupayaan mereka tetap mereka tidak akan dapa diyakinkan untul melucutkan hak merek kepada menyertai da mengambil peranan yan berkesan itu.

"Kerana itu, jalan yan sebaik-baiknya ditim bangkan oleh kalanga orang-orang sepert saudara-saudara ialal membantu rakya melayakkan diri merek untuk memenuhi da mencapai aspirasi sert ekspektasi tersebut," Pengarah Penerangar menyarankan.

Bagi kerajaan, menuru beliau, inilah strategi yan dipakai dalam matlama mengurangkan pergan tungan yang terus-meneru kepada tenaga yan sedemikian itu.

## AMBIL BERAT HASRAT KERAJAAN



AWANG Haji Zakaria

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh menyeru peniaga-peniaga bukan Melayu agar mengambil berat hasrat dan tujuan kerajaan meninggikan taraf dan perekonomian negara ini.

Katanya penyertaan peniaga-peniaga Melayu ke dalam sesebuah firma usahasama (Joint-Venture) bukan hanya dari segi penggunaan nama Melayu saja tetapi perluasan penyertaan di segala aspek perusahaan perlu juga ditingkatkan kepada pengambilan pekerjaan dan pengurusan.

Awang Haji Zakaria menegaskan demikian semasa menyampaikan ceramahnya di majlis taklimat bagi ahli-ahli Dewan Perniagaan Negara Brunei bertempat di Bilik Taklimat Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan baru-baru ini.

Menurut beliau, Lembaga Kemajuan Ekonomi telah meluluskan kurang lebih 566 permohonan daripada peniaga Melayu di semua daerah yang mana kira-kira berjumlah $45 juta lebih.

Kira-kira $22 juta dari jumlah tersebut telah dikeluarkan untuk membolehkan mereka membuat perusahaan perniagaan seperti perniagaan, pemasangan, percetakan, perkhidmatan dan pengangkutan, perumahan, kontrek, pertanian dan perikanan serta pembekalan runcit.

Tambahnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan peruntukan kewangan pusingan (Revolving Fund) yang mana skim tersebut telah ditambah dari $25 juta kepada $50 juta.

Di samping itu, Lembaga Kemajuan Ekonomi katanya mempunyai beberapa tugas penting, seperti ejen-ejen pelancongan dalam mana undang-undangnya telah berkuatkuasa mulai 1 januari tahun lalu.

Undang-undang pelancongan tersebut jelas beliau adalah bertujuan bagi melindungi kepentingan orang ramai yang berurusan dengan ejen pelancongan negara ini.

Lembaga Kemajuan Ekonomi adalah juga bertanggungjawab ke atas pentadbiran undang-undang galakan pelaburan 1975 di samping mengawal syarikat-syarikat insurans bermotor.

Bagi lesen rampaian jelas beliau lagi, pihaknya adalah dipertanggungjawabkan mentadbir pemberian lesen-lesen perniagaan kereta dan perniagaan stesen minyak serta tempat menyimpan bahan yang mudah terbakar yang mana undang-undang berkenaan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari tahun ini.

Mengenai permohonan perindustrian dan lain-lain projek, Awang Haji Zakaria menyatakan bahawa Lembaga mempunyai tanggungjawab memproses serta mempertimbangkan setiap permohonan untuk mendapatkan tanah-tanah kerajaan. Permohonan yang difikirkan feasible dan viable akan dihadapkan ke Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri melalui Pejabat Tanah untuk pertimbangan selanjutnya.

## PINDAAN BERKUATKUASA 1 JANUARI 1983

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pesuruhjaya Tanah, Awang Mohd Ali bin Bakar menegaskan bahawa Undang-Undang Tanah dalam Bab 23 telah diluluskan pindaannya dan di kuatkuasakan mulai 1 Januari 1983.

Sebelum pindaan ke atas Bab ini, menurut Awang Mohd Ali, rakyat tidak dipersyaratkan untuk memohon kebenaran kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri. Sementara orang-orang bukan rakyat telah dipersyaratkan terlebih dahulu memohon kebenaran kepada Sultan dalam Majlis Mesyuarat sebelum pemilikan didaftarkan oleh Pegawai Tanah.

"Tetapi setelah diluluskan, mengikut pesyarat Bab 23, tukar milik gadai, pajakan atau pajakan kecil (Sub-lease) tanah kepada sesiapa pun sama ada rakyat atau bukan rakyat adalah tidak sah dan tidak boleh didaftarkan kecuali terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat," tegasnya.

Undang-undang tersebut, jelas Awang Mohd Ali lagi, tidaklah bermakna hendak menyekat pemilikan tanah oleh orang-orang yang bukan rakyat atau gadai pajakan atau pajakan kecil, tetapi adalah bagi mewujudkan pemilikan gadai, pajak atau pajakan kecil yang berperancangan.

Menegaskan demikian ketika memberi taklimat kepada kira-kira 30 orang peserta-peserta taklimat dari Ahli-Ahli Dewan Perniagaan Negara Brunei yang dianjurkan oleh Bahagian Penerangan Pejabat Setiausaha Kerajaan di sini pada hari Rabu lepas seterusnya berkata, bahawa Undang-undang ini adalah dikecualikan bagi pajakan atau pajakan kecil yang diberikan selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tujuh tahun.

Menyentuh dengan perkataan 'lease' (pajakan) dan 'Sub-Leasen' (pajakan kecil) di bawah pesyarat bab ini, jelas Timbalan Pesuruhjaya Tanah, bukanlah bererti Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberi pajakan atau pajakan kecil kepada seseorang atau kepada sesuatu badan, tetapi adalah dari seorang pemilik tanah kepada seseorang atau kepada sesuatu badan.

Berhubung berkenaan penggunaan tanah, tambah Awang Mohd Ali lagi Undang-undang Tanah Negeri Brunei di bawah Bab 9 (5) Kerajaan boleh mengambil semula tanah tersebut jika terdapat penyalahgunaan tanah seperti pada mulanya pemilik tanah bermaksud bagi bercucuk tanam tetapi sebaliknya menggunakan bagi kegiatan-kegiatan bagi tempat perumahan.

Walau bagaimanapun, menurutnya, sekiranya pemilik tanah mampu atau berkebolehan untuk membuat usaha atau kemajuan yang berlainan dari syarat khas, dia bolehlah membuat permohonan kepada Pegawai Tanah untuk menukar syarat khas tanahnya itu kepada kemajuan yang dirancangkannya bagi dipertimbangkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mesyuarat.



PESERTA-PESERTA yang mengikuti majlis taklimat tersebut.



PEMANGKU Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani ketika berucap sejurus sebelum merasmikan Permainan Lalulintas Shell Brunei.

# KERAJAAN BERUSAHA ATASI KEMALANGAN JALAN RAYA

BANGAR. — Dalam saat negara sedang pesat membangun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah mengungkayahkan berbagai-bagai cara bagi mengurangkan kemalangan-kemalangan jalan raya.

Ini memandangkan kemalangan-kemalangan jalan raya semakin bertambah yang mana pada tahun 1981 seramai 51 orang telah terkorban dan angka tersebut bertambah kepada 63 orang pada tahun lalu.

Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani berucap demikian ketika merasmikan Permainan Lalulintas Shell Brunei di Daerah Temburong pada 11 September lepas.

Pg. Badaruddin berkata usaha kerajaan bagi mengurangkan kemalangan-kemalangan jalan raya di antaranya membina lebih banyak lagi jalan-jalan baru yang bersistematik, mengetatkan undang-undang jalan raya menubuhkan majlis keselamatan jalan raya, menambahkan tempat-tempat letak kereta serta mengadakan perkhidmatan bas yang baik bagi maksud mengurangkan kesesakan jalan raya.

Beliau menggesa orang ramai terutamanya generasi muda supaya mendisiplinkan diri dengan undang-undang dan peraturan jalan raya dan salah satu asas yang baik bagi menyemaikan kesedaran mental kepada seluruh penduduk dan rakyat negara ini betapa mustahaknya keselamatan jalan raya menjadi tanggungjawab bersama ialah melalui Permainan Lalulintas Shell Brunei.

Kita semua haruslah mengakui, tambahnya, bahawa jalan raya bukanlah kita seorang sahaja yang berhak menggunakannya tetapi adalah hak kita bersama sebagai pengguna-penggunanya.

Johan dalam [illegible] tersebut [illegible] Sekolah Pe[illegible] Pekan Bangar [illegible] Sekolah Me[illegible] Hashim. Ba[illegible] pat ketiga Se[illegible] Inggeris Bo[illegible] naib johan [illegible] daerah tersebut [illegible] dingan pering[illegible] negara yang [illegible] kemudian. [illegible] pemenang-pemenang [illegible] disampaikan oleh [illegible] Pegawai Daerah [illegible] Awang Abd [illegible] Muhammad. [illegible] buah sekolah [illegible] di daerah itu [illegible] bahagian. [illegible]

## Majlis kesyukuran

BERAKAS. — Jabatan Kerja Raya baru-baru ini telah mengadakan satu majlis kesyukuran sempena perpindahannya ke bangunan baru yang terletak di bekas lapangan terbang lama di sini.

Pengarah Kerja Raya Yang Berhormat Dr. Pg Ismail bin Pg Haji Damit yang menjadi tetamu kehormat di majlis tersebut telah berucap mengenai kepentingan kebersihan yang seharusnya diambil perhatian oleh semua pihak.

Yang Berhormat menyeru semua kakitangan Jabatan tersebut supaya akan dapat memberikan kerjasama dalam membisaikan serta memelihara kawasan dan tempat bekerja serta keseluruhan bangunan tersebut agar akan sentiasa kelihatan bersih.

Bangunan tersebut dilengkapi dengan tempat letak kereta yang luas, di samping kemudahan-kemudahan bilik rehat, serta bilik persidangan.

Lebih dari 300 orang pegawai-pegawai kanan dan kakitangan jabatan tersebut telah menghadirinya.

Majlis pada hari itu diakhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Awang Haji Omar bin Mohammad.
AHI —




"NAMPAKNYA si Awang telah melanggar peraturan-peraturan di jalan raya, oleh itu saya terpaksa mencatat nama awak," mungkin begitulah kata-kata dari seorang Polis Wanita kepada penunggang basikal itu dalam permainan lalulintas shell tersebut.

## PERTANDINGAN LUMBA LAYAR

BERAKAS. — Seramai 12 orang ahli-ahli Kelab Layar Darwin telah tiba di sini pada hari Ahad lepas bagi menyertai pertandingan perlumbaan layar sempena merayakan Kelab Layar Diraja Brunei dan pertandingan perlumbaan Kelab Layar Darwin. Pasukan dari Darwin diketuai oleh bekas juara dunia, Awang Lyndall Patterson.

Pertandingan tersebut telah bermula pada sebelah petang hari Ahad di Pantai Serasa, Muara. Pasukan-pasukan yang mengambil bahagian termasuklah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan Kelab Layar Diraja Brunei.

Pertandingan itu akan berakhir esok dan acara kemuncaknya ialah penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang yang akan disampaikan ...

## Ikuti kursus jurutera penerbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Johar bin Metali seorang lagi anak tempatan lepasan penuntut dari Pusat Tingkatan Enam Gadong telah menandatangani perjanjian dengan Syrikat Penerabangan Diraja Brunei, untuk mengikuti kursus jurutera penerbangan.

Beliau berusia 21 tahun, berasal dari Kampung Setia Jaya Berakas akan mengikuti kursus tersebut selama empat tahun di Luton United Kingdom.

Ketika ini seramai 16 orang pelatih jurutera penerbangan dari Diraja Brunei telah mengikuti kursus tersebut di Britania Airways Technical Training School.

## 18 buah drama kemerdekaan akan bertanding Oktober depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Kecil Peraduan Drama Kemerdekaan Bagi Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan mesyuaratnya pada 8 September lepas bertempat di Bilik Persidangan Lembaga Bandaran di sini.

Dalam mesyuarat petang itu, antara lain ahli-ahli yang hadir bersetuju menamakan jawatankuasa itu sebagai ...

Sebanyak 18 buah pasukan akan bertanding dalam peraduan itu yang akan diadakan pemilihannya mulai 22 Oktober sehingga 29 Oktober depan iaitu 8 hari berturut-turut.

Dari jumlah tersebut hanya 4 pasukan yang akan dipilih untuk pertandingan peringkat senegeri.

Jawatankuasa itu juga telah menetapkan ...

'Bisikan Purih Tuntutan Pancir'; 'Langit Rekah Bumi Serakah'; 'Tuan-tuan dan Peon-peon'; 'Panggilan Zaman'; 'Yang Pergi, Datang dan Hampa'; "Bara Terus Kugenggam", 'Perwira' dan "Warisan Sebuah Wasiat' adalah merupakan drama-drama yang akan dipertandingkan dalam peraduan itu nanti yang kesemuanya adalah merupakan hasil karya ...

## Siswa-Siswi ITM adakan lawatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai [illegible] orang siswa-siswi [illegible] Pensyarah [illegible] dan Pegawai [illegible] Yayasan Sabah [illegible] Teknologi MARA [illegible] Sabah telah [illegible] lawatan [illegible] negara ini.

Rombongan [illegible] oleh Encik [illegible] Abdul Hamid [illegible] Pengetua [illegible] telah tiba pada [illegible] Isnin minggu lepas [illegible] jadi tetamu kepada [illegible] Pelajaran Brunei.

Semasa di [illegible] telah melakukan [illegible] Jabatan Pe[illegible] diberikan [illegible] mengenai [illegible] jabatan itu [illegible] Unit Latihan [illegible] tugas Perkh[illegible] perkhidmatan [illegible] Setelah itu [illegible] nya dibawa [illegible] bagai bahagian [illegible] di jabatan tersebut.

Rombongan [illegible] mengadakan [illegible] Pusat Tingkatan [illegible] sana Timbalan [illegible] ITM telah [illegible] memberikan [illegible] ringkas mengenai [illegible] Teknologi MARA [illegible] jawab beberapa [illegible] pelajar-pelajar [illegible] berkenaan.

Selain itu [illegible] berkesempatan [illegible] Pejabat Syarikat [illegible] Diraja Brunei [illegible] Berakas: [illegible] Kota Batu [illegible] melakukan [illegible] muhibbah ke [illegible] ...

# AMALAN ORANG YANG RIA' BAGAIKAN HABUK.....

**MARILAH kita sama-sama bertakwa dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.**

**Jumaat yang lepas khutbah telah menyebut fasal syirik, dosa yang paling besar tidak ada ampunnya di sisi Allah. Syirik yang dimaksudkan ialah menyekutukan menyembah dan beribadat kepada selain daripada Allah, ini namanya 'Syirik Syirik besar sementara di sana ada pula yang dinamakan 'Syirik Asgar', Syirik Rasulallah s.a.w. telah ditanya, apakah syirik kecil itu ? Baginda menjawab : kecil itu ialah ria'.**

makna ria' ? bahasa kita diertikan muka. Bekerja bermegah-megah dilihat dan dipuji sebagai misal, kita sebuah hadis Nabi yang ertinya :

*ramai orang berpuasa tetapi tidak apa-apa dari itu melainkan dahaga, dan berapa ramai orang yang bangun malam kerana sembahyang tetapi tidak mendapat apa-apa melainkan berjaga sahaja."*

Ertinya di sini, puasa dan sembahyang jika dibuat bukan kerana Allah, bukan kerana menjunjung titah perintah Allah tetapi hanya kerana bermuka-muka, maka puasa dan sembahyang yang demikian itu tidak akan diterima oleh Allah, dan bahkan sebaliknya beroleh kemurkaan daripada-Nya. Orang yang demikian itu telah dikatakan oleh Nabi s.a.w. sebagai musyrik kecil.

Ada sebuah hadis Nabi s.a.w. riwayat Muslim yang lebih menjelaskan lagi hal ini. Sabda Baginda yang kita petik maknanya lebih kurang :

### KECEWA

*"Perumpamaan orang yang beramal atau bekerja kerana ria' itu, adalah seperti orang yang memenuhi bakulnya dengan batu-batu, kemudian dia masuk pasar untuk membeli sesuatu, lalu bila dibukanya bakulnya di hadapan penjual didapatinya hanya batu-batu, dia pun memukul-mukul mukanya kerana kecewa. Demikianlah, tidak memberi manfaat kepadanya apa yang di dalam bakulnya itu selain daripada untuk mempersendakan orang. Itulah dia orang yang beramal atau bekerja kerana ria' dan sum'at, dia tidak mendapat apa-apa selain dipersendakan orang dan tidak juga mendapat pahala di akhirat."*

Allah Taala mensifatkan amalan-amalan orang-orang yang ria' yakni yang dikerjakan bukan kerana Allah itu sebagai habuk-habuk yang berterbangan yang kita dapat tenguk dari pancaran-pancaran matahari, sebagaimana ayat 23 dalam Surah Al-Furqan. Orang-orang yang ria', yang beramal dan bekerja bukan kerana Allah, tetapi untuk mendapat pujian insan, akan dipanggil pada hari kiamat dengan nama-nama yang keji, sebagaimana hadis Nabi s.a.w. memberitahu kita. Mereka itu akan diseru dengan nama-nama : Ya Maraie (wahai orang yang bermuka-muka), Ya Fajir (wahai orang yang derhaka), Ya Khasir (wahai orang yang rugi).

### MENARIK PUJIAN

Demikianlah wahai kaum Muslimin, orang yang ria' itu adalah orang rendah, akan direndahkan oleh Allah di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat. Orang-orang begini keji sifatnya, buruk kelakuannya, perkataannya dusta, janjinya tidak betul. Bagaimanakah ia boleh betul jika pekerjaannya memang bermuka-muka untuk menarik pujian orang ? Inilah nampaknya satu-satunya sifat yang merosakkan banyak kepentingan umat Islam. Kerana adanya sifat ria', orang tidak lagi memikirkan kehidupan majmuk, hanya mahu sedap sendiri biarpun dengan cara memperdaya orang lain dan bahkan sebenarnya memperdaya diri sendiri.

**Apakah makna ria' ? Dalam bahasa kita bolehlah diertikan bermuka-muka. Bekerja kerana bermegah-megah supaya dilihat dan dipuji orang.**

Kerana itu kita serukan, marilah kita hindari sifat ria' dalam kehidupan kita supaya amal pekerjaan kita diberkati dan diterima oleh Allah. Biarpun kurang besar amalan itu, kurang publisiti, kurang mendapat pujian tetapi ia kerjakan dengan ikhlas semata-mata kerana mengharapkan reda Allah, maka itu adalah lebih baik serta dapat diharapkan balasannya yang baik pula. Ingatlah, jika kita dipuji, janganlah mabuk, pulangkanlah pujian itu kepada Allah kerana Dia yang berhak, bukan kita. Itulah rahsianya ucapan Alhamdulillah.

## KHUTBAH JUMAAT



# Keruntuhan rumahtangga: PUNCANYA

Oleh: Yaakub bin Metali

**Bingkisan minggu ini**

MENGIKUT Syari'at perkahwinan mulia. Antara lain ialah; bidup yang sem- melalui pemben- keluarga dan men- ketenangan jiwa suami isteri dan keluarga sentiasa berkasih sayang. dalam mengharung suami isteri itu, tentu banyak dugaan dan yang datang kedua belah pihak.

kita berjaya rumahtangga, kita tidak mahu rumahtangga itu runtuh mendirikan rumahtangga bukanlah suatu yang mudah; macam membeli di kedai, ketika dipakai tapi sudah dibuang lalu.

kita tidak mahu rumahtangga kita runtuh diruntuhkan, kita patutlah hati dalam penghidupan ...

banyak punca keruntuhan rumahtangga itu, kita tidak hati- kekukuhan rumahtangga yang kita selama ini akan Kahwin terlalu usianya. Kalau itu kahwin lingkungan umur muda, dan ia mempunyai persediaan yang untuk meng- alam rumah- rumahtangga akan ter- banyak kekurangan.

sama ada dari segi tanggungjawab, didikan mahupun pengetahuan berkeluarga. Dan apabila banyak kekurangan, maka akan timbullah sikap tidak bersefahaman, di mana dari sini pula mungkin orang tua turut-turutan walaupun bukan kena pada tempatnya. Kalau hal ini tidak dapat diatasi, maka akan runtuhlah sebuah rumahtangga itu.

Kahwin paksa atau perkahwinan yang tidak direstui oleh ibu bapa, juga salah satu punca keruntuhan rumahtangga. Ia akan berlaku jika salah seorang menampakkan keengganan dan tidak memberikan layanan yang memuaskan, kemudian ditambah lagi dengan hasutan-hasutan yang memporak-perandakan rumahtangga itu.

Satu perkara lagi, yang tidak boleh dipandang ringan ialah tentang berpoligami ataupun beristeri lebih dari seorang. Kalau seorang isteri yang terlalu sayang akan suaminya, tentu ia tidak akan rela dimadukan, jika sekadar memuaskan kehendak hawa nafsu suaminya. Ia lebih rela diceraikan dari dimadukan. Apabila ini terjadi, maka runtuhlah rumahtangga itu.

Demikianlah antara sebab-musabab keruntuhan sesebuah rumahtangga itu. Jadinya, untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara tersebut kita patutlah berhati-hati dan waspada selalu. Kalau ternampak tanda-tanda keretakan, lekas-lekaslah berusaha untuk mengatasinya, agar jangan sampai berpanjangan. Juga janganlah ditambahi keretakan itu dengan kerenggangan. Ataupun dengan lain perkataan ; kalau salah seorang antara suami dan isteri menampakkan tanda-tanda keretakan maka yang seorang lagi mestilah menutup keretakan itu. Kata orang 'api' janganlah disiram dengan minyak, tetapi siramlah dengan 'air'.

Kalau kahwin dalam lingkungan umur yang terlalu muda dan perkawinan yang bukan atas kerelaan sendiri dan keluarga, maka pandai-pandailah 'membawa diri' agar tidak menimbulkan keretakan-keretakan.

Dengan demikian, mungkin tercapailah salah satu tujuan dari perkahwinan iaitu mendapatkan ketenangan jiwa apabila suami isteri dan seisi keluarga sentiasa di dalam berkasih sayang.

# Pencalonan Ketua Kampung Merimbun

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong memaklumkan kepada semua penduduk di Kampung Merimbun untuk dapat hadir ke majlis pemilihan calon bagi Ketua Kampung Merimbun yang akan diadakan pada hari Ahad 2 Oktober, 1983 depan kira-kira jam 9.30 pagi bertempat di Balai Raya Kampung tersebut.

Oleh yang demikian penduduk-penduduk yang berumur 21 tahun ke atas yang tinggal di sekitar kampung tersebut diminta supaya dapat hadir pada tarikh, waktu dan tempat yang ditetapkan.

Calon yang dipilih itu nanti hendaklah sudah bermastautin dalam kampung-kampung tersebut sekurang-kurangnya 3 tahun dan setelah dilantik dikehendaki bermastautin secara tetap dalam kampung tersebut.

Selain dari itu syarat lantikan juga memestikan calon berumur tidak kurang daripada 30 tahun dan mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau yang seimbang dengannya, atau darjah VI Sekolah Melayu.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21 September, 1983 hingga ke hari Selasa 27 September, 1983 adalah seperti di bawah ini :—**

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Maghrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21 Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 22 Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 23 Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 24 Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 25 Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 26 Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 27 Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.**

**Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.**

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........

# MENYAMBUT ORANG HAJI

Siri ke-192



**Boleh disambut orang-orang haji dengan membuat pintu gerbang dan dibentang hamparan dan dipasang lampu terang-benderang dan sebagainya sebagai syukur kepada Allah s.w.t. di atas kepulangan Dhif Allah (tetamu Allah) dari Mekah itu, tetapi jangan berlebih-lebihan dan jangan membazir dan membuang harta.**

MENGERJAKAN Fardu Haji, adalah amalan yang sukar dikerjakan, berkehendakkan sihat badan, berkehendakan belanja yang tiada kurang banyaknya dan berkehendakkan masa belayar pergi ke Mekah, bukan pergi Haji ke Bayan Lepas atau Haji Balik Pulau ikut cara ajaran Haji Muhammad Matahari atau ajaran Taslim yang kufur dan batiniah dan keluar dari ugama Islam itu dan mengikut ugama Hindu yang kafir itu.

Dari itu ulama Islam mengajar orang-orang yang hendak mengerjakan haji ke Mekah Al-Mukarramah dengan mengarang kitab-kitab Panduan Haji seperti Kitab Al-Iyadah oleh Al-Imam Nawawi dan Al-Imam Asy-Syarbini Al-Khatib dan Syarhul Iyadah oleh Al-Imam Ibnu Hajar dan lain-lan ulama.

Orang-orang yang hendak pergi haji, hendaklah bersungguh-sungguh belajar cara mengerjakan haji di Mekah itu, perbuatan mereka itu ialah mengikut pesanan ulama itu, orang-orang yang hendak pergi haji hendaklah mereka pegang pelajaran yang di ajarkan oleh ulama itu, jangan ikut perkara karut dan yang batil dan yang salah dan kufur yang diamalkan oleh Ahli Batiniah yang beramal seperti meluntar Jumrah memadai dengan satu batu sahaja, dan seperti memakai songkok waktu ditegah memakai songkok dan serban waktu dalam Ihram, dan lagi perbuatan ahli kufur dan ahli sesat dan bida'ah tiada mengikut hukum-hukum haji yang telah dibentangkan ulama dalam kitab-kitab Panduan Haji itu.

Dari sebab mengerjakan haji berkehendakkan tenaga, wang dan masa, maka orang-orang Islam memuliakan orang haji itu, mendoakan orang-orang haji selamat pergi dan balik, dan doa orang haji itu pula diterima Allah s.w.t. dari masa ia tiba di Mekah dan balik sampai ke tanahairnya, sehingga berlanjut empat puluh hari lepas itu.

Dari sebab itu orang pergi haji itu diberi gelaran "HAJI" oleh orang Islam dan keluarganya, akan tetapi ada oang pergi haji sekarang tiada mahu dipanggil haji, dan tiada mahu pakai serban, jikalau ia pandang gelaran haji itu atau pakai serban itu hina dan mengikut rasa kebangsaan maka orang haji itu hajinya tiada dapat dikatakan Haji Mabrur kerana ia membuat dan berlagak dengan perkara yang berlawan dengan ajaran Islam. Boleh jadi ia kafir jika ia menghinakan apa yang dipandang mulia oleh Islam dan baik, seperti haji itu adalah perkara Islam dan memakai serban itu hukumnya sunat.

Boleh disambut orang-orang haji dengan membuat pintu gerbang dan dibentang hamparan dan dipasang lampu terang-benderang dan sebagainya sebagai syukur kepada Allah s.w.t. di atas kepulangan Dhif Allah (Tetamu Allah) dari Mekah itu, tetapi jangan berlebih-lebihan dan jangan membazir dan membuang harta.

**TIGA PERKARA**

Dari Sahabat Abi Hurairah r.a. berkata: Telah bersabda Rsulullah s.a.w. yang ertinya: *"Bahawa Allah s.w.t. sukakan ... tiga perkara ... s.w.t. bencikan ... kamu tiga perkara ... Allah sukakan ... menyembah Allah ... dan ... menyekutukan ... dengan-Nya ... sukakan kamu ... padu dan jangan ... berpecah-belah ... benci bagi kamu ... kata ini, yakni ... cakap yang tiada ... ke sana ke mari ... membuat protes ... bantah-membantah ... ta naik gaji sebagai ... perbuatan orang-... barat dan orang-... Komunis) dan Allah ... cikan kamu membu... harta seperti ... lebihan menyem... orang haji dengan ... membazir dan meny... ajaran Islam."*

# Pertandingan Quran Sekolah2 Ugama peringkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Nurin Almas bin Haji Abdul Kadir dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna dan Dayang Normaya bte Haji Moksin dari Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha masing-masing mendapat markah 86.5% dan 86.75% telah menjadi johan dalam peraduan membaca Al-Quran murid-murid sekolah-sekolah ugama peringkat akhir yang berlangsung di Dewan Raya RTB pada hari Ahad 11 September lepas.

Menduduki tempat kedua bahagian laki-laki ialah Ak Salim bin Pengiran Haji Amin, Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhatadee Billah dengan markahnya 82.5% sementara tempat ketiga jatuh kepada Awang Zulhalim bin Haji Rosman dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Muhammad Bolkiah yang berjaya meraih mata sebanyak 82.%.

Berada di tempat kedua bahagian perempuan ialah Dk Noraini bte Pengiran Abd Rahman yang dapat mencatatkan markah sebanyak 86.25% penuntut di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah. Sementara Dayang Nurnasariah bte Norshah dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna dengan mata kemenangan 84.25% menduduki tempat ketiga.

Dalam majlis yang disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen itu telah juga diadakan penyampaian hadiah-hadiah kepada pelajar dan sekolah ugama terbaik sepanjang tahun 1982 yang lalu. Awang Mohd Yusri bin Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya dan Dayang Zaitun bte Abu Salim kedua-duanya pelajar Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop telah diistiharkan sebagai pelajar terbaik.

Manakala sekolah ugama terbaik pula telah dimenangi bersama oleh Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna (Brunei I) dan Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Brunei II).

Selain daripada pertandingan membaca Al-Quran, pertandingan syarahan juga dianjurkan yang mana telah diadakan lebih awal iaitu pada 29 Mei yang baru lalu di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Pekan Bangar. Dalam majlis yang sama juga telah diadakan pertandingan membaca Al-Quran peringkat separuh akhir.

Pertandingan-pertandingan serupa ini adalah merupakan kegiatan tahunan Bahagian Pelajaran Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama bersempena sambutan ulangtahun puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-37 tahun.

Majlis pertandingan petang itu telah diserikan dengan persembahan syarahan oleh juara-juara syarahan tahun ini iaitu Awang Mohd Ali bin Ali Omar dan Dayang Azizah bte Haris kedua-duanya dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop dan persembahan nasyid oleh Kumpulan Al-Wardah, Sekolah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat Y.A.M. Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali. Hadir sama di majlis itu pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan lain-lain pegawai kerajaan.



YTM Pengiran Negara Indera juga menyampaikan hadiah pemenang sekolah ugama terbaik yang dimenangi bersama oleh S.U. Pengiran Anak Puteri Masna dan S.U. Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Wakil salah sebuah sekolah tersebut sedang menerima hadiah.



YTM Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Ka... rulzaman sedang menyampaikan hadiah kepada ... seorang peserta.

UNTUK makluman orang ramai terutama penduduk Mukim Sungai Liang dan sekitarnya, bahawa Bahagian Perpustakaan Kanak-kanak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei akan mengadakan Taman Batuturan Bergerak bagi kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah, pada hari Ahad 25 September 1983, bertempat di Sekolah Melayu Sungai Liang, mulai jam 2.00 petang.

## Mengikuti Kursus

PEGAWAI Pentadbir Kanan di Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashore telah bertolak ke United Kingdom pada 10 September lepas untuk mengikuti kursus dalam bidang Diploma selama satu tahun akademik.

## Memeluk uga... Islam

TEMBURONG. ... orang lagi gadis ... memeluk ugama ... Majlis pengislaman ... berlangsung di ... Awang Zakaria ... Bungkol, Kamp... Kinalong di sini ... September lepas.

Dayang ... Rah... melafazkan ikrar ... di hadapan Yang ... mat Pehin Datu ... Dewa Awang Haji ... Rahim bin Akim ... dikenali sebagai ... Norhenniemah ... dullah. Majlis itu ... dengan zikir ... dan telah dihadiri ... pegawai-pegawai ... Jabatan Hal ... Ugama.

# KEPUTUSAN PEPERIKSAAN CALON KE SEKOLAH ARAB

## 220 ORANG LULUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 220 orang murid termasuk 100 orang perempuan dari 2285 orang calon yang menduduki peperiksaan calon ke Sekolah Menengah Arab bagi tahun 1984 telah lulus.

Peperiksaan tersebut telah diadakan pada 24 Julai lepas di lapan buah pusat seluruh negara dalam mata-mata pelajaran Bacaan Al-Quran, Ilmu Hisab, Ilmu Sains dan Pengetahuan Ugama Islam.

Berikut ini disiarkan nama-nama calon yang telah berjaya untuk memasuki kedua-dua Sekolah Arab iaitu Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Jalan Tutong. Penuntut-penuntut tersebut akan memulakan pelajaran mereka pada bulan Januari 1984.

**...agian Lelaki ...akan memasuki ...olah Menengah ...ab Hassanal ...kiah.**

...Mohammaddin bin ...akbar, Zalani bin ... Abun, Maserwan ...Mohd. Bahrin ... Mansor bin Mor-... Arman bin Asmad, ... bin Mohd. Salleh, ...Khairul Aswan bin ... Salleh, Sahrin bin ... Mohd. Ali Shah ...Yahya. Mohd. Khair ...Mahathir bin ... Noralizan bin ...

... Khairul Rijal bin ...Rahim, Asbullah ...Abd. Hamid, Har-...llah bin Mohd. ... Awg. Mohd. Irman ... Mashor, Alinordi ...Radi bin Mohd. ... Iskandar bin ... Mohd. Azman ...Mohd. Hanifah, Ishak ... Ak. Muham-...am bin Pg. Merali, ... Mohd. Amiruddin ... Awg. Tuah, Amir ... bin Hj. Masri.

...bin Samsu, Abdul ... bin Hj. Besar, Ak. ... Aminuddin bin Pg. ... Ilham bin Mohd. ...wardi bin Jamal, ...din bin Lamat, ... bin Abd. Ghani, ...no Dino bin ... Yusof bin ... Nurhamdani bin ... Hadi, Ak. Azman ... Pg. Badaruddin, ... bin Hj. Zulkiflly.

... bin Morsidi, ... bin Hj. Mang-... Ramli bin Bungsu, Hussin bin Hj. Ismail, Ramlee bin Kassim/Hassim, Ismawi bin Mohd. Yusof, Azmi bin Idris, Noraizamley bin Damit, Samli bin Mohamad Salleh, Masdari Ilham bin Abd. Razak, Suwardy bin Bujang, Aliuddin bin Musa, Isa bin Abbas, Samry bin Mohd. Yaakub.

Mohamad Idris bin Metusin, Ak. Aziz bin Pg. Amat, Ghazali bin Mohammad, Rizal bin Mohd. Salleh, Rasnun bin Mohammad, Rainey bin Salleh, Shahnon bin Basman, Haris bin Suboh, Hishamuddin bin Hj. Chuchu, Zulkifli bin Hj. Murat, Shahrul Anuar bin Menudin, Rimba bin Hj. Tapau, Nurzali bin Sari, Sufian bin Brahim, Sofry bin Metasan, Ak. Mohammad Yusran bin Pg. Hj. Mohd. Yussof.

Hamdini bin Timbang, Ahmad Rithauddin bin Sabtu, Azehan bin Hj. Shawal/Sawal, Durhan bin Durahim, Tohara bin Ongsang, Zairil Aswende bin Zainal, Ak. Mahyudin bin Pg. Kamaluddin, Jaya bin Mohammad, Shahrulaminan bin Mohiddin, Muhammad Kartolo bin Hj. Abang, Hamzah bin Abdul Hamid, Safri bin Momin, Abdul Bahrin bin Hj. Md. Hussain.

Assri bin Alias, Othman bin Tarasa, Mohammad Shahrin bin Sulaiman, Johar bin Majid, Mohamed Nor bin Brahim, Abdul Rani bin Ismail, Adanan bin Puasa, Sufian bin Awg. Mumin, Asrul Azmi bin Ahmad, Moharin bin Tahir, Awg. Radi bin Awg. Kutal, Al Faizal bin Abdullah, Khairul Khalid bin Hj. Ibrahim, Roslan bin Matzin, Anuar bin Mohamad.

Azman bin Hj. Musa, Hj. Yusof bin Hj. Salleh, Zulkifli bin Mohd. Ali, Mohammad Zamil bin Tarip, Ak. Omar bin Pg. Ibrahim, Khairol Helmy bin Abdullah @ Nicholas bin Serani, Ak. Ahmad Zefry bin Pg. Zainal, Jaya bin Hj. Yahya, Mohammad Norisham bin Khamis, Abdul Aziz bin Hj. Metahir, Kesuma bin Abdul, Mawardi bin Suhaili, Azlee bin Ali.

Iskandar Shah Johan bin Yahya, Mazleajizul bin Ramlee, Mohammad Adi Zaky bin Metassim, Abdul Kadir bin Hj. Kurus, Emmran bin Hj. Metussin, Abdul Aziz bin Hj. Ali, Muhammad Wardi bin Ismail, Suhaili bin Abdullah Sunny, Abdul Raslainie bin Abdullah, Zulhaizam bin Jumat, Hasmanan bin Mohammad Nor, Mohd. Yusni bin Mohd. Yasin, Hj. Mohd. Hanuar bin Hj. Ramli.

**Bahagian Perempuan yang akan memasuki Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.**

Noryati bte Ibrahim, Ruzaimah bte Hj. Ibrahim, Khairen Dino bte Abd. Latif, Zeti bte Abu Bakar, Siti Sohanah bte Hj. Metussin, Siti Murdiah bte Ibrahim, Dy. Norasimah bte Awg. Omar, Dk. Ummi Kalthum bte Pg. Abd. Razak, Ajijah bte Masri, Helmy bte Mohd. Kassim, Rostinah bte Hj. Yahya, Umi Khuntom bin Asmat, Azimah bte Mohd. Ariffin.

Kartini bte Abdullah, Rosfinah bte Md. Ali, Norfilzah bte Abdullah, Mardiana bte Adi, Nooridah bte Abd. Hamid, Monalisalelawaty bte Talib, Siti Noorhainah bte Hj. Mohammad Noor, Hariati bte Japri, Mariani bte Tangsar, Norzaherah bte Jaili, Nurul'aini bte Abdul Momin, Norasmimah bte Hj. Abu Bakar, Hjh. Norliza bte Hj. Mahalle, Jijah bte Abdullah.

Norafizah bte Abd. Rahman, Megawati bte Sani, Norhartini bte Ibrahim, Halline bte Suhaili, Asiah bte Momin, Siti Norsuriana bte Mohamad Nor, Magdalena bte Hj. Ali, Suryani bte Muhammad, Suraya bte Osman, Noraidah bte Guras, Haslinda bte Ismail, Rohani bte Moksin, Dyg. Sabariah bte Awg. Yusof.

Nuurfadhluun bte Hj. Zailani, @ Fifi Faulina, Norazlina bte Othman, Rosnah bte Salleh, Asrina bte Maidin, Mizan Adiliah bte Mohd. Deli, Nooraini bte Mohammad, Aslinda bte Aliakbar, Siti Nor Hidayu Rathtini bte Omar, Dk. Arinawati bte Pg. Md. Yassin, Dk. Nurolaini bte Pg. Mohd. Kifli, Noridah bte Bakar, Rosnita bte Shamsuddin, Norela bte Hj. Selamat, Siti Khursiah bte Hj. Anuar, Dk. Rashidah bte Pg. Mohd. Yusof, Norizan bte Hj. Mahari.

Fatimah bte Hj. Bungsu, Sufinah bte Sulaiman, Serinah bte Hj. Tuah, Sri Mas Hardiana bte Hj. Abd. Manaf, Dk. Noorahisadah bte Pg. Daud, Murni bte Ismail, Ruziah bte Abdul karim, Latifah bte Hj. Omar, Noor Diana Hayati bte Hj. Awang, Mardinah bte Mohammad Noor, Suzana bte Abd. Rahman, Noraeizan bte Mohd. Suot, Norazimah bte Hj. Ramlee.

Mastura bte Mohiddin, Sariwati bte Kahar, Dk. Norafidah be Pg. Mohd. Kassim, Rusmawati bte Muksin, Joanita bte Abdul Hamid, Sa'airah bte Yusof, Rafeah bte Buang, Norfauzilahwati bte Mohd. Tamit, Haisah bte Mohd. Noor, Titi Aryati bte Abd. Latif, Shafini bte Mohd. Said, Rohhaslinda bte Yahya, Norian bte Mohd. Sa'ad, Sri Rahayu bte Hj. Dollah, Rozilah bte Mohd. Nor.

Lilly Suzana bte Samsu, Noraini bte Hj. Sapar, Sofiana bte Zainuddin, Maslilywati bte Hj. Abdullah, Rosnani bte Zaman, Siti Zairani bte Md. Jair, Dk. Mezlyza bte Pg. Metassan, Dk. Nurashikin bte Pg. Petra, Salwati bte Mohammad Sulaiman, Hjh Norinah bte Hj. Ali, Norasrahwati bte Sanif, Norzalinawati bte Hj. Metusin, Zuraidah bte Masri, Noni Kasomawati bte Ahmad, Siti Nurbaini bte Mornee, Dk. Aidi Noorintan bte Pg. Mohd. Zinin.

## Sekeluarga memeluk ugama Islam

...NG. — Satu keluarga ...mai empat orang ...meluk ugama Islam ... majlis yang ... di rumah salah ... guru Sekolah ... Melayu Muda ... di sini pada 7 ... lepas.

...gepalai keluarga ... Awang Sigi anak Uja ... dikenali sebagai ... Mohd. Sigi Al-Islam ... Abdullah diikuti oleh ... Dayang Intan bte Ayum yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Intan bte Abdullah. Manakala dua orang anak mereka masing-masing kini dikenali sebagai Dayang Rohana dan Dayang Sathrina.

Saudar baru ini melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Tamat dan Ustazah Aishah bte Orang Kaya Maharaja Laila Awang Haji Mohd Yusof.

Awang Haji Mokti bin Haji Mohd Daud Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama, telah berucap di majlis itu. Turut hadir termasuklah Pegawai Daerah Tutong, Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yusof, yang mana juga telah menyampaikan cenderamata kepada saudara-saudara baru itu. Kadi Daerah Tutong, Awang Haji Metusin bin Haji Baki dan lain-lain pegawai Kerajaan di daerah tersebut.

## PINDAHKAN SEGERA KAPAL INI

SEBUAH kapal besi waja barangka bilangan "HC 32" lebih kurang 90 kaki panjang yang terbalik dan tenggelam sedalam enam belas kaki terletak setengah batu ke barat daya di sebelah barat lampu pancang Ujong Sapo, Kuala Sungai Brunei.

Kapal yang diperkatakan ini membentuk satu bahaya kepada pelayaran kapal-kapal di kawasan Ujong Sapo dan dengan ini tuan punya kapal tersebut diarahkan untuk menimbulkan dan memindahnya dari tempatnya sekarang sehingga petang hari Sabtu 8 Oktober 1983 dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Jabatan Laut memindah kapal tersebut dari tempatnya dan dibuang menurut peraturan II dari Undang-Undang Pelabuhan 1961 dan kapal tersebut mungkin akan dijual untuk membiyai perbelanjaan pemindahannya.



...rham Yusof bin Rejaral



Allahyarham Adam bin Langgar



Allahyarham Kahar bin Ahad



Allahyarhammah Palam bte Haji Tahir



Allahyarhammah Norsalam bte Abdul Latif

## 5 lagi jemaah haji meninggal dunia

...DAR SERI BEGA... — Lima orang lagi ... meninggal dunia ... Mereka ialah Awang ... Rejaral, 71 tahun men... pada 7 September lepas ... berasal dari Sabah.

Awang Kahar bin Ahad, 63 tahun meninggal pada 8 September. Allahyarham berasal dari Kampung Tanjong Nangka, Jalan Tutong. Dayang Palam bte Haji Tahir, 58 tahun meninggal pada 9 September. Allahyarhammah berasal dari Kampung Selayon, Sengkurong.

Juga meninggal dunia di Mekah ialah Awang Adam bin Langgar, 63 tahun. Allahyarham meninggal pada 10 September lepas dan berasal dari Kampung Junjongan, Brunei. Manakala pada 13 September seorang lagi meninggal iaitu Dayang Norsalam bte Abdul Latif, 62 tahun berasal dari Kampung Batu Marang, Brunei.

## Pegawai2 Diplomatik berkursus di luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Pentadbir, Pg Sallehuddin bin Pengiran Haji Yusuf dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik dan Awang Azahari bin Haji Ahmad dari bahagian Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan, telah berlepas ke Singapura pasa 9 September yang baru lalu, dalam perjalanan mereka ke New York, Amerika Syarikat bagi menghadiri Persidangan Agung Bangsa-bangsa bersatu yang ke-38 bersama dengan rombongan Republik Singapura atas undangan Kerajaan berkenaan. Sebelum berlepas ke New York, mereka juga akan menjalani penempatan singkat di kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Singapura selama tiga hari.

Sementara itu dua orang Pegawai Pentadbir di Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Pengiran Mustapha bin Pg Metassan dan Ak Sahari bin Pg Salleh, juga akan menghadiri persidangan yang sama berserta dengan rombongan Malaysia. Sebelum berlepas ke New York mereka juga akan menjalani penempatan singkat di Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Malaysia. Mereka telah berlepas ke Kuala Lumpur pada 10 September lepas.

# KELUARAN KHAS SETEM SAMPUL SURAT




SUKACITA dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei akan mengeluarkan Setem Khas Sempena memperingati Pembukaan Rasmi Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Sumber-Sumber Perikanan pada 23 September, 1983.

Sampul Surat Hari Pertama tanpa setem berharga 45 sen sekeping akan mulai dijual pada 12 September, 1983 sehingga 23 September, 1983 di semua Pejabat Pos dalam negeri.

Satu setem-setem bagi Pembukaan Rasmi Stadium Negara Hassanal Bolkiah berharga 10 sen, 75 sen dan $1.00 dan bagi Sumber-Sumber Perikanan berharga 10 sen, 50 sen, 75 sen dan $1.00 akan dijual pada 23 September, 1983 di semua Pejabat Pos dalam negeri.
























# PANDUAN SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU

17. Huruf *ei* tetap menjadi *ei*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| protein | protein |
| atheist | ateis |

18. Huruf *eo* tetap menjadi *eo*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| geography | geografi |
| geology | geologi |
| stereo | stereo |

19. Huruf *eu* tetap menjadi *eu*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| petroleum | petroleum |
| europium | europium |
| eutectic | eutektik |

20. Huruf *f* atau *ff* menjadi *f*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| factor | faktor |
| traffic | trafik |
| effective | efektif |
| efficient | efisien |

21. Huruf *g* atau *gg* menjadi *g*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| geopolitic | geopolitik |
| geology | geologi |
| progressive | progresif |
| aggressive | agresif |

22. Huruf *h* tetap menjadi *h*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| harmony | harmoni |
| hero | hero |
| hostel | hostel |
| hospital | hospital |

23. Huruf *i* tetap menjadi *i*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| inflation | inflasi |
| issue | isu |
| textile | tekstil |

24. Huruf *ia* tetap menjadi *ia*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| dialogue | dialog |
| dialect | dialek |
| criteria | kriteria |

25. Huruf *ie* menjadi *i*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| calorie | kalori |

26. Huruf *ie* menjadi *ai*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| pie | pai |

27. Huruf *ie* tetap menjadi *ie*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| diesel | diesel |
| diet | diet |

28. Huruf *io* tetap menjadi *io*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| iodine | iodin |
| studio | studio |
| radio | radio |

29. Huruf *iu* tetap menjadi *iu*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| radium | radium |
| stadium | stadium |
| calcium | kalsium |

30. Huruf *j* atau *jj* menjadi *j*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| journal | jurnal |
| jury | juri |

31. Huruf *k* atau *kk* menjadi *k*

**Contoh :**

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| kilo | kilo |
| kaiser | kaisar |
| kinetic | kinetik |

Peringatan: Semua pertanyaan atau kemusykilan mengenai panduan ini bolehlah ditujukan kepada Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# PERINGKAT KE-2 SISTEM JALAN DI IBU KOTA DIBUKA 25 SEPTEMBER

Oleh: Timbang Bakar

SISTEM lalulintas yang baru di Bandar Seri Begawan telah mula diperkenalkan dan dibuka kepada penguna-penguna jalan raya sejak dua minggu lepas setelah projek tersebut siap pembinaannya pada hujung bulan Ogos yang baru lalu.

Walaupun sistem yang baru itu melibatkan beberapa perubahan dan ubahsuai termasuk pemasangan lampu-lampu isyarat di setiap pesimpangan jalan-jalan utama (major traffics) yang nampak tumbuh bagai cendawan di musim hujan, namun pemandu-pemandu dapat mensesuaikan diri dengan keadaan yang baru itu.

Dari apa yang dapat dilihat sejak peringkat pertama sistem tersebut digunakan keadaan kesesakan yang sebelumnya begitu merumitkan kini telah berkurangan, kerana aliran perjalanan kenderaan lebih teratur dan licin.

NIAT SUCI

Tentulah niat suci Kerajaan untuk menjadikan perjalanan di ibu negara lebih teratur, licin dan selesa akan terlaksana apabila sistem itu dapat digunakan sepenuhnya dalam sedikit masa lagi. Sistem yang baru sengaja dibukakan secara berperingkat-peringkat oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana untuk memudahkan pemandu-pemandu dan penguna-penguna jalan raya mensesuaikan diri untuk mengelakkan dari berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini.

Jabatan Kerja Raya memberitahu Pelita Brunei peringkat kedua sistem baru itu akan mula dibuka pada hari Ahad 25 September depan. Jalan-jalan yang terlibat ialah Jalan Tasek Lama, Jalan Bendahara, Jalan Sultan, Jalan Stoney Extension dan Jalan Pehin Dato Isa.

Serentak dengan itu juga lima unit lampu-lampu isyarat akan digunakan sama. Kedudukan lampu-lampu isyarat itu ialah persimpangan Jalan Tasek Lama dengan Jalan Stoney Extension berdekatan dengan bangunan Ang's Hotel, Jalan Sungai Kianggeh dengan Jalan Bendahara, Jalan Bendahara dengan Jalan Sultan, Jalan Sultan dengan Jalan Stoney dan Jalan Sultan dengan Jalan Kumbang Pasang.

Dengan bermulanya peringkat kedua ini sebahagian dari Jalan Pehin Dato Isa akan ditutup buat selama-lamanya, bererti pemandu-pemandu dari pusat bandar yang hendak menuju ke Jalan Kumbang Pasang atau pemandu-pemandu yang datang dari Jalan Tasek Lama menuju ke Jalan Tutong mestilah menggunakan Jalan Stoney Extension.

MENGINGATKAN

Sehubungan dengan itu juga pihak Polis mengingatkan pemandu-pemandu dan pejalan-pejalan kaki supaya mengambil perhatian yang berat terhadap penggunaan lampu-lampu isyarat yang mana di setiap unit lampu-lampu tersebut ada disediakan isyarat-isyarat untuk pejalan-pejalan kaki menyeberang jalan. Gagal mematuhi peraturan tersebut atau indah tak indah saja bererti menempuh bahaya.

Peringkat ketiga dan terakhir dijangka akan mula digunakan dua minggu kemudian dari peringkat kedua ini. Jalan-jalan yang terlibat ialah jalan-jalan di pusat bandar iaitu Jalan Sg. Kianggeh, Jalan Sultan, Jalan Pemancha dan Jalan Elizabeth II. Walau bagaimanapun penggunaan jalan-jalan di kawasan ini tentulah lebih mudah kerana tidak banyak perubahan dibuat melainkan membesarkan jalan-jalan tersebut dan memasang beberapa unit lampu-lampu isyarat yang kelihatannya begitu baru di negara kita ini iaitu dipasang lebih tinggi dari biasa merangkak jalan raya.




PELAN menunjukan kedudukan jalan-jalan raya dan aliran perjalanan bagi peringkat kedua yang akan bermula 25 September depan.

## HARGA BARANG2 KEPERLUAN

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 14 September 1983.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING: $8.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Syarikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Pemancha.
   2. Leong Soon Huat, No. 4, Jalan McArthur.
   3. Chee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
2. JINTAN MANIS: $3.20 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. A. Muthian, No. 6, Jalan McArthur.
3. KACANG KUDA: $1.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chee Guan, No. 4, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING: $7.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chop Kim Ming, Bangunan Foo Chow, Jalan Bunga Raya.
   2. Koh Kit Hin, No. 25, Jalan Pretty.
2. JINTAN MANIS: 3.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Syarikat M. Haji, No. D2, Chinese Chamber of Commerce.
3. KACANG KUDA: $1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chop How Min, No. B, Chinese Chamber of Commerce.
   2. Ng Ming Hong, No. F, Chinese Chamber of Commerce.
   3. Syarikat M. Haji, No. D2, Chinese Chamber of Commerce.

**SERIA**

1. PUSU KERING: $7.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   2. Hunson Company, No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.
2. JINTAN MANIS: $4.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Haji C.A. Mohammad & Son, No. 51, Jalan Bunga Kuning.
3. KACANG KUDA: $1.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   2. Haji C.A. Mohammad & Son, No. 51, Jalan Bunga Kuning.
   3. Yick Fatt, Lot No. 2660, Jalan Sultan Omar Ali.

## Pekursus terjun payung terima lencana

BERAKAS GARISON. Seramai sepuluh orang pekursus 'terjun payung' Askar Melayu Diraja Brunei telah menerima Lencana Payung Terjun yang diadakan di satu majlis sengkat di sini pada hari Rabu lepas.

Lencana tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Cawangan Udara, Lt. Kolonel Pengiran Dato Abidin bin Pengiran Ahmad.

Sebelum menerima lencana masing-masing, pekursus-pekursus tersebut telah menerima latihan asas selama tiga minggu di Kawasan Jerudong Park.

Soldadu Juliah bte Tarapan, salah seorang penerima lencana pada hari itu adalah wanita pertama Pasukan Askar Wanita yang berjaya mengikuti latihan asas payung terjun.

Beliau adalah di antara enam peserta kursus wanita dari Pasukan Askar Wanita yang dianggap berjaya dan berkebolehan mengikuti latihan tersebut sehingga akhir. Beliau memasuki Pasukan Askar Wanita dalam pengambilan ketiga tahun lepas, dan kini beliau bertugas di Bahagian Masakan di Perkhemahan Bolkiah.

Menurut Dayang Juliah, sungguhpun terjun payung satu bidang atau latihan yang berat dan mungkin juga menakutkan bagi setengah orang, tetapi dengan ketabahan dan semangat yang kaut serta galakan dari kawan-kawan yang sama menyertainya, beliau telah berjaya menjadi peterjun payung wanita pertama dalam Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei. ZHS.



Dayang Juliah, wanita pertama yang berjaya mengikuti kursus terjun payung tersenyum gembira menerima lencana kejayaannya dari Lt. Kol. Pengiran Dato Abidin bin Pengiran Ahmad.

# RTB Intisari minggu ini



PESERTA bagi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dayang Maimunah bte Haji Razali beralamat No. 145 D, Taman Tasek, Kampung Lambak, Berakas, Brunei.

Dayang Maimunah akan memilih tujuh buah lagu kegemarannya, yang di antaranya Hati Seorang Kawan Yang Menunggu dari Hetty Koes Endang, Dia Yang Pernah Kucinta persembahan dari Christine N. Panjaitan dan lain-lain. Rancangan ini akan ke udara pada hari Isnin 26 September, jam 1.30 petang.

## *Radio Minggu ini:*

## *SURAT PENGHANTAR*

YANG kami maksudkan dengan SURAT PENGHANTAR ialah surat yang disertakan ketika menghantar teks karangan. Surat demikian perlu, sekadar penyata maksud teks itu dihantar. Surat penghantar ini perlu untuk memastikan apakah karangan itu hasil karya sendiri, saduran dan sebagainya.

Bila kami tekankan perlu, tidaklah maksud kami yang setiap surat penghantar itu memakan beberapa halaman; cukup sependek yang dapat, tepat ada masa untuk penyemak membaca isi kandungan surat penghantar itu. Surat penghantar itu juga tidak perlu meleret-leret, memuji pihak kami dan memohon setinggi penghargaan.

Dalam surat penghantar juga mendedahkan rahsia pengarang dan yang tersirat dalam karangan itu. Beberapa contoh dapat kami utarakan :

1. "Bersama ini saya sertakan sebuah Sandiwara Radio karangan saya sendiri. Ini adalah percubaan kali ketiga karya saya yang telah diterbitkan . . ." Kalimat ketiga atau kesekian kalinya tidak perlu sama sekali. Percubaan yang berjaya pada kali pertama atau kedua, belum tau pada kali berikutnya ia akan berjaya juga.

2. "Ini adalah cerita hasil dari pengalaman saya sendiri, bukan khayalan." "Saya yang pernah menyaksikan dengan kepala mata saya sendiri," juga tidak perlu. Kami sendiri tidak mengirimkan sama ada karya itu fiksyen (khayalan) atau benar-benar berlaku. Yang kami pertimbangkan dalam sesebuah karya ialah tema yang bermutu, penyusunan yang baik, dan sebagainya.

3. "Atas kerjasama tuan, terlebih dahulu dengan jari sepuluh saya menyembahkan ucapan jutaan terima kasih." Kandungan seperti penghantar ini terlalu merendah dan mengharap! Sudah tugas kami untuk menyemak dan mempertimbangkan setiap karya yang dihantar, dan penulis tidak perlu menyembah dengan penuh pujukan dan harapan.

Apakah rahsia lain yang dapat kami tangkap dari surat penghantar ?

Pertama: Bila ketara dan kedapatan banyak kesalahan dalam surat penghantar yang pendek itu, dapatlah kami yakinkan, dari kami kesalahan ejaan yang lebih besar akan lebih banyak terdapat dalam teks karangan yang dihantar.

Kedua: Kalau dalam surat penghantar itu saja terdapat kesalahan tatabahasa yang bersahaja, tentulah begitu pula isi karangannya. Kadang-kadang ada pihak penapis, sudah faham akan keadaan begitu, lantas mengenepikan karangan itu untuk disemak untuk suatu ketika.

Ketiga: Bila surat penghantar itu dalam keadaan yang kotor dan dan tidak menarik untuk dibaca, minat untuk mempertimbangkan karangan itu juga boleh mempengeruhi penyemak. Kalimat — 'Sila siarkan segera' dalam pengertiannya lebih dalam dapat diertikan kesegeran untuk segalanya — segera honorarium untuk dikirim, segera namaku agar masyhur, ini adalah hakikat seorang penulis yang tidak mempunyai peribadi.

Pendek kata, bagi kami surat penghantar mendedahkan peribadi dan rahsia yang tersirat di hati penulisnya; mestilah diperhatikan ejaan, susunan dan sebagainya. Bagaimanapun, kami menghendaki surat penghantar itu biarlah simple, sederhana dan tepat apa yang dimaksudkan.

## Balai Drama

## MENCARI DAHAN TEMPAT BERGANTUNG

BALAI Drama ke... nya bulan ini akan ... kan dengan drama ... berjodol MENCARI DAHAN TEMPAT BERGANTUNG tulisan ... Hamid, Brunei.

Penulis memb... tentang dugaan dan ... an yang meliputi ... wanita malang, Fa... Kerana tekanan jiwa ... dialaminya, Faridah ... dibawa ke rumah ... dan dimasukkan ke bahagian pesakit jiwa. ... berada di sanalah Faridah mendapatkan raw... yang sewajarnya dari Dr. Rohaya siapa yang ... tanggungjawab ke ... sehingga ia sembuh.

Persahabatannya dengan Dr. Rohaya dilanjutkan sehingga ke pengetahuan keluarganya. Sayang... bila Dr. Rohaya memba... wa Faridah untuk diperkenalkan pada kedua orang tuanya, ayah Faridah, Anuar tidak menyambut... nya dengan baik. Faridah pula, bila saja mengetahui yang Anuar adalah ayah Dr. Rohaya, dia terus saja berlalu tanpa menghirau... kan Dr. Rohaya yang dalam kehairanan.

Disebabkan desakan Dr. Rohaya, akhirnya Faridah menceritakan apa yang terjadi di antara dia dan ayah Dr. Rohaya satu masa lalu. Apa yang Faridah nyatakan itu sungguh meranjatkan Dr. Rohaya.

Selepas hal itu, Faridah menghadapi lagi satu ... yang lain. Mungkin ia belum ditakdirkan untuk mengecap kebahagiaan hidup yang sebenarnya. Inspektor Adam yang ber... tanggungjawab memba... nya ke rumah sakit ... puh hari pula tidak dapat melupakan Faridah begi... saja. Tanpa memandang pada pengalaman yang Faridah alami sebelumnya, Inspektor Adam berhasil untuk mengambil Faridah sebagai isterinya.

Rancangan itu bagaimana... pun, tidak berjalan ... yang diharapkan. Adam ... dapat tentangan hebat dari ayahnya dan adiknya ... siapa yang pernah ... mengawasi Faridah ... ia di rumah sakit. ... Adam itu menimbulkan ... komplikasi di fikiran Faridah.

Bagaimanakah akhirnya Faridah menjalani kehidupan... nya? Sebagai seorang bekas pesakit jiwa, dapatkah ... terima oleh masyarakat sebagai seorang wanita normal? Apakah Inspektor Adam akan berpegang teguh dengan ... putusannya ?

Untuk mengetahuinya ... lah siarannya pada hari Ahad 25 September, 1983 jam ... pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Abdul Ra...

## Resipi minggu ini:

# MEE BANDUNG

**Bahan-bahannya :**

- 1 kati mee kuning
- ½ kati taugeh
- 50 sen daun bawang
- 50 sen daun sadri
- 2 keping tauhu putih
- 1 lb kelapa yang telah diparut
- 3 biji telur ayam
- ¼ kati daging
- 5 biji limau kasturi
- 5 biji lada hijau
- ½ botol tomato sos
- ¼ kati ubi kentang
- ½ cawan minyak penumis
- Gula, air asam jawa dan garam secukup rasa.

**Rempah yang akan digiling :**

- 1 sudu besar ketumbar
- 1 sudu teh jintan putih
- 5 biji lada kering
- 4 ulas bawang merah
- 1 hiris halia
- 6 biji buah keras
- 1 sudu besar taucu
- 6 ulas bawang putih
- 1 batang serai
- 1 inci kunyit.

**Peraturannya :**

Panaskan periuk, setelah itu masukkan minyak bila telah panas, gorengkan bawang hingga kuning, setelah cukup kuningnya angkat dari minyak tadi. Selepas itu tumiskan rempah-rempahnya yang digiling tadi. Blia telah wangi baunya masukkan daging, kemudian apabila dagingnya empok sedikit masukkan air asam jawa, tomato sos, garam, gula secukup rasa.

Bila telah mendidih biarkan beberapa ketika, selepas itu masukkan ubi kentang yang telah dilecek, apabila telah nampak pekatnya barulah diangkat dari atas api tadi.

**Cara menghidangnya :**

1. Mee yang telah dicelur dengan air panas ditoskan terlebih dahulu, kemudian simpankan pada satu bekas.
2. Begitu juga taugeh yang telah dicelur simpankan pada satu bekas yang berasingan.
3. Gunakan sebiji piring bulat besar letakkan mee di tengah-tengahnya dengan diaturkan dikelilingnya dengan taugeh, bawang goreng, daun bawang, daun sadri, telur rebus yang dipotong limau kasturi, tauhu goreng dan lada hijau.
4. Bila kita hendak makan barulah diambil sedikit semacam bahan yang kita telah aturkan tadi dan menggaulkan air limau daging di atas mee yang telah kita sediakan.



MEREKA di atas adalah dari siri drama SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS yang dapat disaksikan pada tiap-tiap hari Ahad, jam 5.00 petang.



KISAH-kisah satu ketika di masa depan dalam dunia baru yang penuh dengan ilmu-ilmu ghaib perhambaan, seorang hamba bernama THUNDARR THE BARBARIAN tampil untuk membasmi itu semua — dengan dibantu oleh kawan-kawannya Mok dan Puteri Aerial (atas) demi untuk menegakkan keadilan. Siri ini ditayangkan tiap-tiap hari Sabtu, jam 6.05 petang.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 21 SEPTEMBER

PETANG

PEMBUKAAN
AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
GIGGLESNORT HOTEL
WOODY WOODPECKER
BERITA AWAL
MAMA MALONE
AZAN MAGHRIB
321 CONTACT : "Light Dark Tuesday"

MALAM

BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
HART TO HART : "Emily, By Heart"
AZAN ISYAK
HART TO HART — sambungan
WARTA BERITA
LIPUTAN NASIONAL
THREE'S COMPANY
MAGNUM : "Foiled Again"
Dalam satu pertandingan main pedang, Higgins telah bertemu dengan seorang musuh dalam hidupnya. Lawannya telah mati dalam pertunjokan itu. Higgins dipenjarakan atas tuduhan membunuh. Magnum tidak puas hati dengan tuduhan itu dan seterusnya membuat penyiasatannya sendiri.
TAYANGAN GAMBAR : "An Affair to Remember"
Seorang playboy kacak bertemu seorang gadis dalam satu pelayaran, jatuh cinta dan berjanji untuk berkahwin selepas enam bulan. Dalam menuju ke tempat perjanjian trajedi berlaku. Pelakon-pelakon: Cary Grant, Deborah Kerr, Richard Denning, Neva Petersen, dan lain-lain.
SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 22 SEPTEMBER

PETANG

PEMBUKAAN
AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
SESAME STREET
BERITA AWAL
KIMBA THE WHITE LION : "Jungle Thief"
AZAN MAGHRIB
SAFARI TO ADVENTURES — "African Survival"
Kali ini kita akan dapat menyaksikan binatang-bintang samada yang kuat atau lemah menghadapi kehidupan mereka di Benua Afrika yang penuh cabaran.

MALAM

BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
VOYAGERS : "Pursuit"
Sebagai hadiah hari jadi kepada Jeffrey, Bogg telah menawarkan satu "pesiaran" ke mana saja dalam sejarah dunia. Jeffrey telah memilih pelancaran manusia pertama ke bulan dalam tahun 1969.
AZAN ISYAK
VOYAGERS — sambungan
WARTA BERITA
HIDAYAT
DUNIA MINGGU INI
DOKUMENTARI — STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH
REGGIE JACKSON WORLD OF SPORTS
CHICO AND THE MAN
THE DEVLIN CONNECTION : "Love, Sex, Sin and Death At Point Dume"
Brian dan Nick menjerumuskan diri dalam kumpulan "swinging singles" demi untuk menangkap pembunuh tersebuh yang yang hendak menjadikan seorang setiausaha cantik sebagai sasaran seterusnya.
SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 23 SEPTEMBER

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

PETANG

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.10 STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH (Ulangan)
2.30 PEMBUKAAN RASMI STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH — Siaran langsung
3.36 AZAN ASAR
3.39 PEMBUKAAN RASMI STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH — sambungan
4.30 PERLAWANAN BOLA SEPAK — Siaran langsung
6.00 BERITA AWAL
6.05 PERLAWANAN BOLA SEPAK — sambungan
6.23 AZAN MAGHRIB
6.33 PERLAWANAN BOLA SEPAK — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS : "We May Be Better Strangers"
Walapun anaknya tidak mengaku bersalah, seorang ayah mahu anaknya dihukum setelah polis menjumpai marihuana dalam keretanya.
7.35 AZAN ISYAK
7.40 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA : "Cuaca Semakin Cerah" Bhg. 2
9.35 KNOTS LANDING : "Savengali"
10.35 BENSON
11.05 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.
12.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 24 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THUNDARR THE BARBARIAN : "Harvest of Doom"
6.23 AZAN MAGHRIB
6.33 ANIMAL WORLD : "S.O.S. Save Our Sharks"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JACK JONES SHOW (Episod terakhir)
7.35 AZAN ISYAK
7.40 JACK JONES SHOW — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK : "Mee Bandung"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.35 BINTANG ASLIRAMA
10.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Cakar Maut"
12.00 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Panache"
Negeri Peranchis dalam kurun 17. Seorang askar mengelakkan pengkhianatan seorang bernama Richelien. Pelakon-pelakon : Rene Auber Jonois, David Healy, Charlie Frank dll.
1.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 25 SEPTEMBER

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANG FACE
2.45 THE JEFFERSONS
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.36 AZAN ASAR
3.38 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 PLASTIC MAN (Episod terakhir)
4.30 THE CHALLENGERS : "Free Climb"
5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS
5.45 SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.15 ALICE — Pilot
6.23 AZAN MAGHRIB
6.33 ALICE — Sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON : "The Air"
7.35 AZAN ISYAK
7.40 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 PREVIEW BINTANG ASLIRAMA
9.20 FORUM
10.10 MIND YOUR LANGUAGE
10.40 BRIDESHEAD REVISITED : (Episod terakhir)
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 26 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PIGEON STREET : "Somewhere To Eat"
5.15 SCOOBY AND SCRAPPY DOO
5.40 SHIRT TALES
6.00 BERITA AWAL
6.05 SHIRT TALES — sambungan
6.15 BLAKE'S SEVEN
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 BLAKE'S SEVEN — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY : "Naka Jima Kill"
Jake, Corky, Jack dan Sarah berada dalam satu masa ketika masa satu plot sedang dirancang untuk membunuh seorang pegawai tinggi Jepun.
7.33 AZAN ISYAK
7.38 TALES OF THE GOLD MONKEY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 THE MAKING OF MANKIND : "Sitting Down"
9.35 LEVKAS MAN
10.35 ALL STAR WRESTLING
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 27 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PACMAN
5.30 THE GARY COLEMAN SHOW (Siri baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 DOKUMENTARI—BILL BURRUD QUEST : "The Last Ark" Bhg. 2.
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 DOKUMENTARI — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY : "The Ives Have It"
7.33 AZAN ISYAK
7.38 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.15 DYNASTY
10.15 TAYANGAN GAMBAR : "Isabel's Choice"
11.45 SIARAN TAMAT.

## *TVP - dari 26 Sept. hingga 1 Okt.*

### ISNIN — 26 SEPT.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 963.
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, TEKA BENDA, AMINAH, MINUM, DI MANA TEMPATNYA, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 963.

### SELASA — 27 SEPT.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 964.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERSENAM, TUNJUK BENDA, MINUM, BOLA TUMBUK, NYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 964.

### RABU — 28 SEPT.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 965.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti ANAK KUDA, GAMBAR DAN SEBUTAN, MINUM, PAK LONG, IKUT KETUA, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 965.

### KHAMIS — 29 SEPT.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 966.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, TUNJUK BENDA, MINUM, BERSENAM, HALAMAN BELAJAR, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

### SABTU — 1 OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 967.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, GAMBAR DARI RUMAH, MINUM, MAIN BAKUL, KAJIAN SEMULA JADI, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 967.

**Perhatian :**

Pada 29 September, 1983 rancangan Kap Kap Udang di sebelah pagi tidak akan disiarkan kerana cuti Hari Perlembagaan.

Harap Maklum.



KEBAWAH D.Y.M.M. dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir bergambar ramai bersama Pegawai Pemerintah AMDB dan anggota-anggota skuadron peninjau kereta perisai yang menyertai latihan selama dua minggu di Padang Tembak Binturan.






KEBAWAH D.Y.M.M. ketika memandu kereta Scorpion di kawasan padang tembak tersebut.
Manakala gambar bawah kelihatan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar bersedia untuk menembak dengan salah satu senjata yang terdapat pada sebuah kereta Scorpion dengan dibantu oleh Lt. Ak Muhammad bin Pengiran Muhidi.

Di akhir acara lawatan, Baginda berkenan menyampaikan ... tersebut. Kelihatan Lt. Adnan bin Dato Hulubalang ... sedang menerima hadiah. Gambar bawah — Kebawah D.Y.M.M. ... Scorpion.





# GAMBAR2 SEKITAR KEBERANGKATAN D.Y.M.M. KE PADANG TEMBAK BINTURAN

Gambar2 Oleh: Ak Bakar/Ak Bahar

Kebawah
Othman
Perisai
Tengah:
target yang
identifikan
sedang
yang akan
mencuba
Bawah:
Wazir
peralatan
meman-





latihan
kembangnya
kereta







# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA

| | | |
|---|---|---|
| 6.45 | pagi | (Berita-berita dalam dan luar negeri) |
| 8.00 | pagi | |
| 10.00 | pagi | |
| 12.45 | tengah hari | |
| 1.30 | tengah hari | (tiap-tiap [illegible] Jumaat) |
| 3.00 | petang | |
| 5.30 | petang | |
| 8.00 | malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 21 SEPTEMBER

PAGI: 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.00 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Saloma.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 3.15 — Lagu-lagu tanpa nyanyian, 3.30—Hiburan Petang, 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Taman Bulgis Siri Pertama), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Titian Budaya (SU), 9.00 — Menyusur Pendalaman, 9.30—Purbawara/Citrawara.

### HARI KHAMIS 22 SEPTEMBER

PAGI: 8.30 — Pertanian (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Hiburan.

PETANG: 2.00—Purbawara/Citrawara, (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.45 — Untuk Awda, 5.45 — Lagu lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.30 — Lagu-lagu Asli.

### HARI JUMAAT 23 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Pertandingan Aslirama 1983 Separuh Akhir Siri Ketiga, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00—Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.25 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Majalah Ugama (SU), 9.30 — Mari Berpantun (SU).

### HARI SABTU 24 SEPTEMBER

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Untuk Adik-adik, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Pilihan Pendengar.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli (SU), 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Malam Minggu, 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

### HARI AHAD 25 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Balai Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00 — Pertandingan Aslirama 1983, Separuh Akhir Siri ke-4.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Titian Budaya, 3.45 — Majalah Sukan, 4.15 — Hiburan Petang Minggu, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45— Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Hiburan/Puspasari (SU), 9.30 — Di Buang Sayang.

### HARI ISNIN 26 SEPTEMBER

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00— Wanita dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun, 3.15—Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Kitani, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Bela [illegible] wakili Zamannya, 5.15 — Untuk [illegible] 5.45 — Kuliah Ugama (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), [illegible] — Hiburan Malam, 8.30 — Sains Dan [illegible] usahaan, 9.00 — Lagu-lagu [illegible] 9.30 — Ku Tujukan Lagu.

### HARI SELASA 27 SEPTEMBER

PAGI: 8.30 — Suara Perajurit (SU), [illegible] Dendang Antarabangsa, 9.30 — [illegible] Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu [illegible] Dangdut, 10.30 — Rampaian London, [illegible] Lagu-lagu Permintaan Kaum [illegible] 11.15 — Dari Lambaran Awda, [illegible] Senandung Seloka.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan [illegible] Ria.

PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan [illegible] 3.15 — Gema Silam, 3.30 — Usaha [illegible] (SU), 4.00 — Gema Keroncong/[illegible]rama, 4.30 — Seni Dan Sastera, [illegible] Varia Peristiwa, 5.15 — Untuk Awda, [illegible] — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Kitani (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — [illegible] Sukaramai, 9.00 — Kugiran [illegible] (SU), 9.30 — Bahas Sekolah-Sekolah

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Classical music night with Rory Higgins
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Popular Classics
9.30 Classical Music (continued)

#### Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 Sixty-Minute Theatre: "The Gazebo" by Alec Coppell.
9.30 Country Club — 59.

#### Fridays/Holidays

A.M.

11.00 A Feature. "Sick or Sad"— a feature in 4 parts on a guide to depression — part 4.
11.15 Light Music From The Netherlands — 666.
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 John Fox Presents — 18/18.
12.45 My Music — 267/267.

P.M.

1.15 Book Club. "Cry the Beloved Country" by Alan Paton — 5/10.
8.00 The World of Books.
8.30 Up The Belait River Without A Paddle
9.00 Perspective
9.30 A Date with . . . (repeat)

#### Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Strictly Instrumental
8.45 Just A Minute — 274/287.
9.30 Top of The Pops — 981.

#### Sunday

A.M.

11.00 Our Views: A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh — prog. 18.
11.30 Practical World
11.45 London This Week.
12.00 A Date with . . .

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 981 (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Inter-School Science Quiz Competition Finals — 1983 Upper Secondary — STPRI vs SOAS College.
8.30 Beautiful Music — 39/48.
8.45 BBC Science Magazine.
9.30 Drama: "Patterson" — by Malcolm Bradbury and Christopher Bigsby — a comedy serial set in an English provincial university — 4/8.

#### Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Hadsome Hubert" by Rita Jimmer.
8.45 Profile.
9.30 A Play On Words — 13.

#### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special "The Boomtown" Side 1

#### Daily

A.M.

6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's AM.
7.00 Local News, weather forecast, tide times and Brunei In History.
7.05 Brunei's AM (continued)
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.
12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.

P.M.

9.30 News.



## Terima Diploma Antarabangsa dalam ...ngurusan Keselamatan

...pegawai dari Jabatan Keselamatan BSP baru ... telah menerima Diploma Antarabangsa dalam ... Keselamatan oleh Majlis Keselamatan British di

... tersebut telah diberikan kepada Awang Osman ... Awang Razali dan pegawai pelatih keselamatan ... Ahmad bin Taha dan Saiful Rizal Yong Abdullah ... peserta dari 14 buah negara yang di iktiraf pen... mereka dalam peperiksaan yang diduduki yang ... oleh majlis berkenaan di akhir kursus tersebut ... selama 10 minggu.

... atas menunjukkan Awang Saiful Rizal yang ... pangkat kepujian dalam peperiksaan akhir ... bersama diploma yang diperolehinya.

# BSP LUASKAN REKABENTUK ALAT PELAJARAN




BEBERAPA tahun yang lalu, Syarikat Brunei Shell Berhad telah meluaskan lagi pencapaiannya dalam merekabentuk peralatan pelajaran tempatan.

Peralatan tersebut yang diterbitkan oleh Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Media di Jabatan Hal Ehwal Awam telah mula menerbitkan cerita bergambar Brunei Shell dengan beberapa siri gambar-gambar rajah dinding yang berwarna dalam tahun 1979. Kemudiannya pada tahun 1982, cerita mengenai minyak yang merupakan satu alatan media yang bermacam-macam lagi sekolah-sekolah menengah juga telah dilancarkan.

Dan pada tahun ini Perkhidmatan Pelajaran Shell Brunei memulakan lagi satu peralatan pelajaran dan kini menerbitkan bungkusan pertamannya, sementara bungkusan kedua dan ketiga sedang dalam penyelenggaraan.

Bungkusan pertama peralatan itu, bertajuk 'Bagaimana sebuah pelantar kekal penggalian luarpantai bekerja?' memberikan fahaman kepada pelajar-pelajar untuk mengetahui operasi industri minyak dan gas.

Pembahagian bungkusan-bungkusan berkenaan akan dilakukan oleh kakitangan Hal Ehwal Awam kepada sekolah-sekolah seluruh negara tidak berapa lama lagi.

Perkhidmatan Pelajaran Brunei Shell percaya bahan-bahan yang dipilih itu dapat menarik perhatian dan pembelanjaran penuntut-penuntut di sekolah-sekolah dan juga pembuat-pembuat contoh dan penggemar-penggemar jigsaw.



## 300 pekerja BSP ...kan sertai perarakan

... 300 orang pekerja ... Brunei Shell Berhad ... akan menyertai ... raksaksa sempena ... Hari Kebangsaan ... Brunei Darussalam ... diadakan pada 23 ... 1984. Sebagai ... penyertaan ... satu majlis ... diadakan un... peserta yang ... di Kelab Cina ... pada hari Jumaat 9 ...

... telah diberi ... mengenai rancangan perarakan tersebut serta mengenai dengan latihan-latihan yang akan dijalankan dalam beberapa bulan akan datang bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Dalam gambar ini kelihatan sebahagian dari pekerja-pekerja berkenaan yang akan menyertai perarakan itu ketika menghadiri taklimat berkenaan dan Awang Zaini bin Haji Omar salah seorang pegawai kanan BSP ketika memberikan penerangan mengenai dengan perarakan itu.





## Kursus menyelamat luarpantai

SATU kursus yang dicipta khas dalam gerakan kerja menyelamat di luarpantai kini sedang dijalankan kepada kira-kira 60 orang pekerja dari Jabatan Penghasilan Operasenal yang bekerja di kawasan Ampa dan Fairley.

Latihan tersebut yang dijalankan oleh bahagian latihan OSA dengan kerjasama OPD/13 bertujuan untuk menyediakan setiap pekerja dengan fahaman-fahaman dalam penggunaan kapsul penyelamat Whittaker.

Para peserta dibahagi kepada empat bahagian dan mereka berpeluang mengikuti latihan dalam masa-masa yang berlainan sepanjang bulan ini. Latihan setengah hari itu melibatkan kuliah-kuliah dalam bilik darjah dan tayangan filem serta berpeluang mengikuti latihan amali dengan menggunakan kapsul penyelamat di Sungai Belait.

Gambar bawah menunjukkan sebahagian dari kumpulan pekerja itu yang mengikuti latihan amali di Sungai Belait dengan menaiki kapsul penyelamat.



# PASUKAN BOMBA TEMPAH SIMON SNORKEL CEGAH KEBAKARAN

JABATAN Perkhidmatan Bomba kini menempah lagi satu era baru dalam proses permodenan sistem perkhidmatan mencegah kebakaran. Rancangan-rancangan tertentu sedang dan akan diatur, terutama pada meninggikan mutu kecekapan serta memberikan latihan-latihan intensif di semua peringkat anggota pasukan tersebut.

Untuk menepati matlamat tersebut, sebanyak dua buah kereta jenis Simon Snorkel telah didatangkan tiga minggu yang lalu yang dipesan dari salah sebuah firma di United Kingdom. Kedua-dua peralatan tersebut dianggarkan berharga lebih tiga juta ringgit. Firma tersebut juga telah memberikan kursus-kursus pengendalian oleh seorang jurutera, dan satu tunjukcara peralatan tersebut telah diadakan oleh anggota pasukan Bomba.



AWANG ZAIDI bin Haji Daud, Penguasa Kanan Jabatan Bomba.

Simon Snorkel dilengkapi dengan alat-alat yang sofistikated, dan bersesuaian peranannya bagi menghadapi masalah kebakaran terutama di bangunan-bangunan tinggi. Peralatan tersebut dapat memberikan bantuan beberapa segera ke tempat-tempat yang sukar dihubungi pada sesebuah bangunan. Di samping itu ianya juga mempunyai keupayaan menyelamat orang-orang yang terperangkap di dalam bilik bangunan semasa terjadi sesuatu kebakaran.



DENGAN keupayaan ketinggian 103 kaki, memudahkan lagi operasi mencegah dan menyelamat semasa kebakaran.



SALAH satu tunjukcara pengawalan kebakaran di bangunan-bangunan oleh salah seorang daripada anggota bomba.

Oleh: Ahad Ismail
Gambar: Harun Rashid

"Pada masa ini walaupun di negara kita ini bangunan-nya tidak seberapa tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain, namun persediaan awal yang ada sekarang ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi serta menghadapi saat-saat yang diperlukan," jelas Penguasa Kanan Jabatan Bomba, Awang Zaidi bin Haji Mohd Daud.

Dengan keupayaan ketinggian 103 kaki iaitu (31.5m) adalah amat berkesan dalam menjalankan operasi menyelamat sama ada mereka yang malang, binatang-binatang, dan harta benda di masa yang singkat.

Sejauh ini Jabatan Perkhidmatan Bomba telah mempunyai sebuah kenderaan yang sama tetapi hanya mempunyai ketinggian sejauh 97 kaki. Untuk membuat operasi menyelamat tidaklah jauh bezanya dengan jenis yang terbaru ini, cuma pergerakan perhubungan dari bawah ke atas saja berlainan. Kedua alat tersebut dikawal dengan alat sistem otomatik dan pergerakannya boleh dilakukan dalam cepat atau perlahan dan ini tergantunglah kepada keadaan penggunaannya. Alat Simon Snorkel ini boleh memuatkan anggota Bomba seramai enam orang termasuk seorang pemandu dan seorang ketua serta dibekalkan dengan empat set alat pernafasan.

Menurut Penguasa Kanan Jabatan itu lagi, "Peralatan Simon Snorkel dilengkapi dengan tiga peringkat "boom". Pergerakan monitornya dikawal dengan cara otomatik, yang secara langsung dapat menjimatkan tenaga."

Dalam usaha mencegah kebakaran, sejenis form brush pipe telah dibekalkan yang mana boleh mengeluarkan dua jenis bahan pencegah kebakaran iaitu sejenis "bueh" dan satu lagi "air ringgan" yang terdapat dalam satu saluran. Bermula daripada saluran ini, seorang pengawal operator akan menghalakan pada setiap arah yang ditujukan dalam satu-satu kejadian kebakaran pada pancutan-pancutan yang khas dari punat-punat otomatik yang dipasang.

Ukuran berat Simon Snorkel ini ialah 23 ton berat serta mempunyai kekuatan penahan tangga boom untuk mengangkat ke atas. Sistem kawalan yang menggerakkan jentera-jenteranya mudah dan senang dikendalikan.

Pada keseluruhannya kenderaan Simon Snorkel tersebut akan dapat meringankan tanggungjawab Jabatan Bomba dalam usaha mencegah kebakaran dan pergerakan menyelamat.



PEMANDANGAN dari atas, di mana Pasukan Bomba dapat ... kedudukan tempat kebakaran dengan mudah.



KELIHATAN empat set alat pernafasan bagi kegunaan menyelamat dalam masa kecemasan juga ...




DUA orang anggota bomba membuat perhubungan melalui radio yang dibekalkan pada Simon Snorkel, semasa membuat pertunjukan ... peralatan tersebut.



...M. Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah bte Ab-...

# Wanita2 Brunei buktikan kemampuan di bidang tertentu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Y.D.M. Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah bte Abdullah berkata, wanita-wanita di Brunei telah membuktikan mereka juga mempunyai kemampuan di bidang-bidang tertentu dalam memberikan sumbangan yang aktif dan positif terhadap kemajuan negara.

Katanya, adalah menjadi kewajipan kaum wanita yang mempunyai kelebihan dan yang telah didedahkan berbagai pengalaman supaya dapat menyebarkan pengetahuan serta pengalaman mereka kepada kaum wanita keseluruhannya.

Berucap ketika merasmikan Seminar Wanita, Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosanah juga berseru kepada peserta seminar supaya dapat menggunakan kesempatan dalam seminar itu pada menilai dan menganalisa sumbangan yang telah diberikan oleh wanita terhadap kemajuan negara di samping meneliti masalah-masalah yang boleh menghalang pencapaian dan matlamat penyertaan wanita dalam kemajuan itu.

Yang Dimuliakan Datin juga berharap agar seminar itu akan menjadi asas dan tapak kepada kaum wanita di negara ini untuk berusaha serta bertukar-tukar fikiran demi untuk kesejahteraan serta kebajikan kaum wanita juga.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani be Haji Lawie.

Seramai kira-kira 40 orang peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli persatuan dan badan-badan kebajikan wanita, swasta dan suri-suri rumahtangga telah mengikuti seminar tersebut.

Unit Perancang Ekonomi telah mengundang beberapa orang wanita di dalam bidang-bidang tertentu bagi menyampaikan ceramah dan seterusnya mengadakan perbincangan dengan peserta-peserta seminar.

Tema seminar 'Wanita Dalam Pembangunan' telah disampaikan oleh Datin Thu Ha Rosanah Johar, Pegawai Ekonomi Kanan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Setiausaha Kerajaan. Sementara Dayang Hajjah Misli bte Haji Awang, Penolong Pengarah Pelajaran telah menyampaikan ceramah dalam bidang pembangunan pelajaran.

Dalam bidang kesihatan pula penganjur telah mengundang Datin Siti Hajjar dan Metron Hajjah Rokiah bte Haji Zakiah, kedua-duanya Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Sementara di bidang ugama Islam, seorang Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama iaitu Dayang Aisah bte Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yusof telah diundang bagi membentangkan mengenai hak-hak wanita Islam bagi membolehkan wanita melibatkan diri di dalam pembangunan.

Dari Jabatan Undang-Undang, seorang pegawai jabatan itu iaitu Dayang Mofli Fong bagi membentangkan mengenai undang-undang perlindungan wanita dan kanak-kanak perempuan. Seorang ahli perniagaan wanita bagi menyampaikan ceramah mengenai peluang-peluang wanita dalam perniagaan telah juga diundang.

Hadir sama di seminar itu termasuklah Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris, isteri Pemangku menteri Besar, Datin Edah bte Haji Mohd Noor, isteri Pemangku Setiausaha Kerajaan dan lain-lain isteri pegawai-pegawai kerajaan.

Seminar yang dianjurkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Setiausaha Kerajaan pada hari Sabtu 10 September, 1983 itu adalah yang julung-julung kali diadakan dengan bertemakan 'Wanita Dalam Pembangunan'.

# SHELL BANTU PERKEMBANGAN PELAJARAN

...NDAR SERI BEGA... — Selain memberi ... ekonomi terpen... kegiatan mencari... dan menghasilkan ... dan gas, Syarikat ... Shell Brunei Berhad ... mempunyai sumbangan ... ke arah membantu ...bangan dan kemajuan ... di negara ini.

... Pentadbir Syarikat ...saran Shell Brunei, ... Hamidon Haji Abd. ... berkata, Perkhidmatan ... Shell Brunei di ... Hal Ehwal Awam ... wujud lebih dua dekad ... sebanyak telah ... guru-guru dan ...murid dengan ... yang kemaskini ... alat bantu pengajaran ... perusahaan minyak ... gas dan lain-lain perkara ...berkaitan dengannya.

"Pada tahun ini Syarikat ... Brunei akan ...luarkan satu lagi alat ... pengajaran yang akan ...kan kepada penuntut-... sekolah menengah ... dan sekolah-sekolah ... dengan tujuan ...berikan pengetahuan ... menarik minat ... penuntut terhadap ... minyak dan gas," ...

...wang Hamidon ketika ... di Majlis Penyam... Hadiah Kepujian Shell ... berlangsung pagi Rabu ... Dewan Sekolah Melayu ... Malim di sini, antara ... menjelaskan bahawa ... itu juga telah men... kegiatan berbentuk ...dikan seperti ...adakan bantuan pela..., memberikan biasiswa ... tempatan melan... pelajaran keluar ... memberi tajaan ... projek sains tahunan, ... lawatan ke Padang ... dan Gas serta ...jarkan Permainan ...

... hasil bumi yang ... minyak dan gas telah mengakibatkan pembangunan yang pesat di negara ini, di mana juga disedari ianya berkehendakkan tenaga yang berkemahiran dan berpengetahuan.

"Adalah diharapkan penuntut-penuntut sekalian akan terus meningkatkan usaha dan menumpukan perhatian terhadap pelajaran masing-masing serta menggunakan sepenuhnya peluang yang disediakan di negara ini dalam bidang pelajaran," jelas Awang Hamidon.

Majlis Penyampian Hadiah Kepujian Shell telah didahului dengan ucapan alu-aluan oleh Awang Haji Abd. Samad bin Kahar, Penyelia Kanan Sekolah-Sekolah Daerah Brunei-Muara.

Seramai 172 orang murid dari 83 buah sekolah-sekolah rendah Kerajaan, Persedian Inggeris dan sekolah rendah Misi di seluruh Daerah Brunei-Muara telah menerima hadiah kepujian pagi itu. Mereka adalah murid yang terpilih sebagai pelajar terbaik dalam pelajaran akademik, pergaulan, disiplin dan kesukanan.
AP.



KETUA Pentadbir Syarikat Pemasaran Shell Brunei, Awang Hamidon bin Haji Abdul Latif, menyampaikan hadiah kepujian Shell kepada salah seorang murid yang terpilih sebagai pelajar terbaik.

# Penyakit Kerbau dan Lembu segera dikawal

BANDAR SERI BAGAWAN. — Baru-baru ini beberapa ekor kerbau telah didapati mati di kampung-kampung Lumapas dan Junjongan, dan pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian menunjukkan bahawa kerbau-kerbau tersebut telah diserang oleh penyakit Haemorrhagic Septicaemia atau penyakit kerongkong.

Penyakit ini yang juga menyerang lembu-lembu adalah merbahaya dan binatang-binatang yang diserang menunjukkan tanda-tanda kenaikan suhu badan secara mengejut, muntah-muntah, malas, hilang selera makan dan akhirnya mati dalam masa kira-kira 24 jam.

Kadang-kadang binatang yang diserang oleh penyakit ini menunjukkan tanda bengkak di bahagian leher yang menyebabkan binatang-binatang ini sukar untuk bernafas. Kebanyakan dari binatang yang diserang oleh penyakit ini mati secara mengejut tanpa menunjukan tanda-tanda yang disebutkan tadi.

Jabatan Pertanian telah pun menjalankan langkah-langkah yang diperlukan bagi mengawal penyakit ini dari merebak ke tempat-tempat lain di negara ini. Langkah yang segera diambil oleh Jabatan Pertanian ialah usaha menyuntek kerbau-kerbau dan lembu-lembu di kawasan-kawasan Lumapas, Junjongan, Wasan, Pengkalan Batu dan Bebuloh, untuk menubuhkan kawasan-kawasan pemisah penyakit.

Langkah-langkah mengharamkan pergerakan-pergerakan keluar masuk semua binatang di stesen-stesen ternakan Kerajaan dan penyuntekan binatang-binatang tersebut juga telah dijalankan.

Pengimpotan lembu-lembu, kerbau-kerbau dan kambing-kambing dari Sabah dan Sarawak juga diberhentikan buat sementara waktu.

Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian juga diarahkan untuk mengawasi jika ada berlaku tanda-tanda penyakit kerongkong ini di tempat-tempat lain di negara ini.

Penternak-penternak adalah juga dinasihatkan supaya melaporkan binatang-binatang mereka yang didapati sakit dan mati secara mengejut kepada Jabatan Pertanian dengan seberapa segera.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BRUNEI.

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI ISTILAH:

**Tanggagaji**: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus 3 mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran Senilukis) dalam Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya dan dapat menguasai 2 bahasa (satu daripadanya bahasa Melayu) dengan baik.

b) Mempunyai bakat dan kecenderongan dalam kerja-kerja istilah.

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang berkebolehan membaca dan menulis Jawi dengan baik.

2. PEMBANTU PERPUSTAKAAN:

**Tanggagaji**: D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai kelulusan 'O' Level dalam 2 mata pelajaran (tidak termasuk Senilukis) dan dapat menulis dan membaca Jawi dengan baik (satu ujian bertulis akan diberikan).

ATAU

b) Mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran, berpengalaman dalam kerjaya perpustakaan sekurang-kurangnya 3 tahun dan pernah mengikuti kursus dalam bidang perpustakaan;

c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa (satu daripadanya bahasa Melayu);

d) Pemohon-pemohon mestilah bertenaga, mempunyai keperibadian yang baik, sudi bekerja bergilir-gilir (jika dan di masa yang perlu) di cawangan perpustakaan dan juga dengan semua golongan.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III:

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya tingkatan III atau yang sebanding dengannya.

b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

4. PEMANDU TINGKAT KHAS:

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

5. PEMANDU:

**Tanggagaji**: F. 3-4 EB. 5— $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am:**

Calon-Calon yang berjaya bagi jawatan (4) dan (5) mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di seluruh negara.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 11 Oktober, 1983.

(E/598/76)

(Bil : 179/1983).

## Jurutera Kerja Kanan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai JURUTERA KERJA KANAN di Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Tanggagaji:**
Kumpulan 4 — $4320.00 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Hendaklah memegang jawatan sebagai Jurutera, Akitek atau Juruukur Bahan yang telah ditetapkan dalam jawatan.

b) Mempunyai minat dalam kerja-kerja pengurusan.

c) Mereka yang mempunyai kelayakan tambahan dalam bidang pengurusan dan menjadi ahli suatu badan ikhtisas yang diiktiraf adalah diutamakan, seperti MICE, ARICS, AIQS, ARIBA atau MIStructE.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Bertanggungjawab kepada Pengarah Kerja Raya dalam hal-ehwal pengurusan projek-projek Kerajaan termasuk meneliti serta menilai perjalanan projek-jrojek yang dikendalikan oleh semua pemborong-pemborong.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 14 Oktober, 1983.

(E/934/83)

(Bil : 162/1983).

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Supply of locks to State Stores (22/83) — Castle Trading — $32,500 for "FLEET" locks — 3-4 weeks.

2 Electrical installation for Government offices, KB—Chung Sys Kheng Co — $617,652.50.

3 Light fittings for Setia Ali Mosque LK-Nes (Pte) Ltd — $25,660.

4 Management of Sekolah Ugama Serasa canteen—Dy Sara Abdullah — $285.00 per month.

5 Supply of scientific equipment for Sekolah Ugama Raja Isteri Pg Anak Damit — Scientific & Technical Products — 25,313.30.

---

1 Electrical installation F flat, SM Lumut — Tai Jin Elec Co. of $24,908.

2 Electrical installation of barrack, Tutong Sewerage Works — Seng Suan Elec Co — $14,435.

3 Electrical installation miniature festive lighting — Lee Jong Elec Co — $17,115.

4 Electrical installation F flat, Sg Teraban Malay School KB — Victory Elec Co — $25,900.

5 Electrical installation Labi Malay School F qtrs — Victory Elec Co — $12,576.

6 Electrical installation, Tutong Post Office — Lee Jong Elec Co — $15,740.

7 Electrical installation for office etc, Seria Fire Station — Tai Jin Elec Co — $6,518.

8 State Flags for State Stores (31/83) — Amiru General Service — $12.95 each (15,000 pieces).

9 28′ octagonal street lighting etc, Jalan Tutong — Jalan Jerudong — Norlela Ali & Anak2 — $66,455 — 75 days.

10 Air conditioning Berakas Transmitter Station — Fairland Air Conditioning — $66,278.75 — 14 weeks.

11 Sewer connection for Govt buildings — Yale Const & Dev Co — $103,028 — 5 months.

12 Store at Gadong Power Station—Sh Perusahaan Hj Shahbudin Salleh — $269,017 — 6 months.

13 Repair etc Hassanal Bolkiah Arabic School—Pg Hj Bungsu Pg Hj Damit — $169,990 — 3 months.

14 Offices etc, stores at Gadong & Jalan Tasek for PWD — Sh Hj Nauhi — $39,980 — 4 months.

15 Class I and II furniture, Police Training Centre — Aw Tengah Hassip — $127,532 — 4 months.

16 Repair etc Post Office Building — Pg Hj Puteh Pg Ahmad Co — $1135,300 — 129 days

17 Garages for Pulau Chermin flast — Sh Hj Salleh bin Aw Damit — $45,540 — 2½ months.

18 Repair of sunken apron, Salam Bigar Religious School — Riverside Trading Agency — $13,000 — 6 weeks.

19 Extension of Printing Dept — Terra-Firma Const — $259,902.88 — 5 months.

20 Boathouse at Museum Kota Batu — Sh Mozura — $22,640 — 1½ months.

---

1 Replacement etc of air conditioners, Brunei Museum — Borneo Air Cond & Eng — $480,475.

2 Air conditioning SUK building: renovation — Guhtrie Brunei — $799,047.90.

3 Electrical installation Record Room, Land Transport Department — Lee Jong Elec Co — $10,930.

4 Electrical installation Brunei-Muara District Office and Agriculture Dept — Friendly Elec Co — $1,158,782.

5 Supply of folding doors, Seria Fire Station — Dy Tuyah bte Yussof — $36,650.

6 Electrical and lighting installations, Bumiputera Shophouse — Friendly Elec Co — $133,183.

7 Supply of blinds, Education/Welfare, Audit Departments — Ken Travel & Trading Agencies — $67,728.

8 Construction of a mosque, Kg Sg Kebun — Sh Hj Metussin & Anak2 — $2,959,368.12 — 12 months.

9 Audio visual equipment for Arts & Crafts Centre — Star Trading & Printing — $54,962 (in line with main contract).

10 Sewer works for Band Building etc, Bolkiah Camp (raw sewage pumpsets etc) — Four Sea Motor Works — $39,451.50 — 8 weeks.

11 Aluminium domes etc for rural mosques — Purnama Construction — $52,872 — 3 months.

12 Art & Maths rooms, Berakas English School — Sr Hj Abd Wahab bin Damit — $261,812 — 7 months.

13 4" AC pipes, Anggerek Desa flats — Sh Hj Salleh bin Aw Damit — $9,788.80 — 1 month.

14 District Office Brunei/Muara and Agriculture Dept, Old Airport — Khin Phin Ltd — $9,478,305.20 — 20 months.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, BRUNEI

1) TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, di Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Brunei hingga pukul 12.00 tengah hari, 3 Oktober bagi membekalkan perkara seperti berikut:—

"MESIN ROLLER RUMPUT (GRASS ROLLER) JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, BRUNEI."

2) Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup. Tanda-tanda yang menunjukkan nama penawar jangan sekali-kali ditaruh di sampul surat itu dan sampul surat hendaklah dialamatkan kepada:—

Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei,
d/a Pegawai Kewangan Negara,
Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan,
Bandar Seri Begawan,
Brunie.

Sampul surat hendaklah ditanda dengan terang "TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN MESIN ROLLER RUMPUT (GRASS ROLLER) KE JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, BRUNEI".

3) Specifications yang dikehendaki ialah:—

| | |
|---|---|
| a) Operating Weight | |
| Unballasted | — 1.5 Tonnes |
| Water Ballasted | — 2 Tonnes |
| b) Rolling Width | — 1200 mm |
| c) Drum Diameter | — 670 mm |
| d) Engine | — 5.2 Kw (7 H.P.) Honda Petrol |
| e) Braking System | — Foot Operated—Mechanical Disc rake On [illegible] Drive |
| f) Gearbox | — Planetary Type — Quick shift Forward and Reverse |
| g) Final Drive | — Duplex Chain dan Sporcket |
| h) Steering | — Mechanical Barrel Recirculating Ball [illegible] |
| i) Maximum Speed | — 4 km/h |
| j) Minimum Working Speed | — 1 km/h |
| k) Turning Circle Dia Inside | — 8 Metre |
| l) O.A. Dimensions | |
| Length | — 3432 mm |
| Width | — 1466 mm |
| Height Less Canopy | — 1430 mm. |

4) Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran-tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog (gambar) mesin Roller Rumput yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut:—

i) Tarikh sampai
ii) Harga C.I.F., Brunei
iii) Lama dalam jaminan
iv) Lain-lain hal, jika ada.

5) Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas ataupun yang tidak dialamatkan dengan betul, tidak akan dilayan.

6) Kerajaan Brunei tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA, BRUNEI

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk "MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA MEMBEKALKAN KAIN DAN UPAH"

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin pada 3 Oktober, 1983.

3. Penawar-penawar adalah dipelawa untuk menyebutkan harga membekalkan kain dan upah menjahit tiap-tiap sehelai pakaian seragam bagi tempoh di sepanjang tahun 1984 seperti berikut:—

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Kemeja Kuning Panjang Tangan (Shirt Khaki Dacron L/S) | — 1 helai |
| 2. | Seluar Panjang Kuning (Slack Khaki Dacron) | — 1 helai |
| 3. | Bush Jacket Khaki Dacron | — 1 helai |
| 4. | Skirt Khaki Dacron | — 1 helai |
| 5. | Baju Mess Jacket Putih (Mess Jacket White Dacron) | — 1 helai |
| 6. | Tunic Putih (Tunic White) | — 1 helai |
| 7. | Seluar Panjang Hitam (Slack Black Dacron) | — 1 helai |
| 8. | Double Vest (Jacket) Hitam | — 1 helai |
| 9. | Cara Melayu | — 1 helai |
| 10. | Samping Wadar | — 1 helai |
| 11. | Seluar Panjang Putih | — 1 helai |
| 12. | Seluar Pendek Putih (Slack White Dacron) | — 1 helai |
| 13. | Epaulette Rifle Green | — 1 helai |

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

5. Semua pakaian seragam hendaklah dijahit dengan memuaskan hati Penguasa Penjara. Jika sekiranya tidak memuaskan, semua pakaian seragam yang telah dijahit itu akan dikembalikan kepada pemborong berkenaan untuk diganti dengan yang baharu tanpa dikenakan apa-apa bayaran. Benang yang digunakan bagi menjahit semua pakaian akan ditentukan oleh Penguasa Penjara.

6. Kontrek ini boleh diberhentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua (2) bulan notis secara bertulis.

1. Semua tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup dan di penjuru sebelah kiri sampul surat tersebut ditulis dengan perkataan "MENJAHIT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA", tanpa membubuh nama penawar-penawar.

8. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI CAWANGAN LAUT, PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

[illegible]ONAN-permohonan [illegible] dipelawa daripada [illegible] yang berkelayak- [illegible] memenuhi jawatan- [illegible] kosong yang berikut [illegible] Laut, Pasukan [illegible] Brunei.

[illegible]RUTERA TINGKAT [illegible]AS:

[illegible]: D. 4 EB. 5 — [illegible] sebulan.

[illegible] dan Pengalaman:

[illegible] latihan dalam keju- [illegible] mekanik di Seko- [illegible] Pertukangan.

[illegible] pengalaman [illegible] selama 5 tahun [illegible] kejuruteraan perka- [illegible] Pengalaman itu hen- [illegible] termasuk pengala- [illegible] membuat kerja ke [illegible] enjin-enjin ICE (Enjin [illegible] Dalam) hing- [illegible]HP (Kuasa Kuda), [illegible], steering gear [illegible] supporting systems [illegible] enjin-enjin tersebut.

[illegible] kebolehan [illegible] kakitangan [illegible].

b) Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja membuat badan Kapal/ Perahu dan dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan "superstructure" kapal yang dibuat dari besi keluli dan kayu.

c) Pandai menggunakan perkakas-perkakas yang bertenaga elektrik.

d) Pengetahuan asas mengenai pembinaan dan rekabentuk Kapal/Perahu.

e) Kebolehan membuat kerja-kerja "metal refabrication" dan mempunyai pengetahuan tentang kerja-kerja "rivetting" dan "welding".

f) Sebaik-baiknya mempunyai pengetahuan membuat kerja yang menggunakan bahan "glass fibre products".

g) Pengetahuan mengena jenis-jenis cat dan cara menggunakannya untuk memelihara badan dan "supersructure' kapal daripada lekas binasa.

[illegible]KANIK [illegible]ORKSHOP:

[illegible]: D. 3 EB. 4 — [illegible] sebulan.

[illegible] dan Pengalaman:

[illegible] sesuatu sijil [illegible] sesuai dari Sekolah [illegible] atau kelayak- [illegible] yang sebanding.

[illegible] membaiki en- [illegible] "internal combus- [illegible]" yang menggunakan [illegible] petrol dan disel.

[illegible] membuka dan [illegible] semula kom- [illegible] komponen enjin/ [illegible] kelengkapan marine.

[illegible] menggunakan [illegible] kecil (hand-tools) [illegible] mengendalikan [illegible] betul alat keleng- [illegible] kejuruteraan yang [illegible] seperti "jointing" dan [illegible].

[illegible] PEMBINA [illegible]APAL:

[illegible]: F. 4-5 EB. 6 — [illegible] sebulan.

[illegible] dan Pengalaman:

[illegible] menjalani sesuatu [illegible] latihan di Sekolah [illegible] atau telah [illegible] latihan perantis [illegible] Pembuat Kapal/ [illegible].

4. TUKANG ELEKTRIK LAUT TINGKAT I:

**Tanggagaji**: C. 1 EB. 2 — $1110-$1685 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Telah menjalani latihan sebagai tukang elektrik di Sekolah Pertukangan atau pertubuhan yang serupa dengan mempunyai pengalaman 5 tahun dalam pertukangan itu.

b) Cekap mengendalikan alat--alat elektrik A.C. dan D.C. dengan mengetahui semua amaran-amaran keselamatan (Security Prictices) termasuk penggunaan sistem 3 fasa 440 Volt (440 Volt 3 phase system).

c) Mempunyai pengetahuan membaiki alat-alat berikut:—

i) Penghidup (Starters)
ii) Motor
iii) Janakuasa (Generators)
iv) Janarus Ulangalik (Alternators)
v) Papansuis dan komponen-komponennya
vi) Sistem-sistem wayar atau pendawai
vii) Komponen-komponen kawalan
viii) Penjagaan bateri
ix) Bekalan-bekalan lampu (Pencayaan)

d) Mahir menggunakan alat-alat uji elektrik.

e) Jika mempunyai pengetahuan tentang elektrik adalah lebih baik.

5. PENYELIA PEMBINA KAPAL:

**Tanggagaji**: C. 1 EB. 2 — $1110-$1685 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Tamat menjalani sesuatu kursus latihan di Sekolah Pertukangan atau telah mengikuti latihan perantis sebagai pembuat kapal/ perahu.

b) Mempunyai 8 tahun pengalaman dalam kerja-kerja membuat badan kapal/ perahu dan dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan "Superstructure" kapal yang dibuat dari besi keluli dan kayu.

c) Mahir menggunakan perkakas-perkakas kecil dan mesin pertukangan kayu.

d) Mempunyai pengetahuan tentang pembinaan dan rekabentuk kapal.

e) Mahir membuat kerja-kerja "metal refabrication" dengan mempunyai pengetahuan tentang kerja-kerja "rivetting" dan mengimpal.

f) Pengetahuan membuat kerja yang menggunakan bahan "glass fibre products".

g) Mempunyai pengetahuan jenis-jenis cat serta cara menggunakannya untuk memelihara badan dan "superstructure" kapal daripada lekas binasa.

h) Mempunyai pengalaman mengawasi pekerja-pekerja lain di dalam pekerjaan pembinaan kapal dan pekerjaan-pekerjaan lain yang berkaitan dengannya.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-aedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 2 Nobember, 1983.

(E/1984/77)
(Bil: 185/1983)

## Sebagai Guru Sekolah Arab

[illegible]ONAN-permohonan [illegible] dipelawa daripada [illegible] yang berkelaya- [illegible] dilantik sebagai [illegible] SEKOLAH ARAB [illegible] Hal Ehwal Ugama, [illegible].

[illegible]:
[illegible] EB. 3 — $1260-$1980 [illegible].

[illegible] dan Pengalaman:

[illegible] tidak kurang [illegible] tahun.

[illegible]-calon hendaklah [illegible] salah satu daripa- [illegible]-kelayakan ber- [illegible]:

[illegible] Mempunyai kelulusan [illegible] Khas (Thakha- [illegible]) dari Sekolah Arab Al-Juned Singapura [illegible] yang sebanding [illegible]nya;

[illegible] Mempunyai Sijil Pela- [illegible] Ugama Brunei, [illegible] Sijil Maktab Per- [illegible] Seri Begawan [illegible] atau mana- [illegible] Sijil Perguruan [illegible] yang sebanding deng- [illegible].

[illegible] mempunyai [illegible] mengajar dengan [illegible] Bahasa Arab [illegible] bahasa pengantar se- [illegible] kurang dari 5 ta- [illegible] Sekolah Menengah

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonos juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 24 Oktober, 1983.

(E/801/73) (Bil: 182/1983)

## Di Jabatan Penerbangan Awam

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEGAWAI PENYELIA LANDASAN LAPANGAN TERBANG di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Tanggagaji**: C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Calon-calon mestilah berumur di antara 25 hingga 40 tahun.

b) Lunlus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam peperiksaan SAP peringkat "O" atau yang sebanding dengannya.

c) Telah berkhidamat sekurang-kurangnya selama 5 tahun sebagai Pengawas Tingkat Khas di mana-mana Jabatan Kerajaan.

d) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman mengawal dan menyelia pekerja-pekerja termasuk juruteknik dan mekanik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Calon-calon yang terpilih akan bertugas di Bahagian Landasan Jabatan Penerbangan Awam dan bertanggungjawab bagi pengurusan kakitangan Bahagian Pemeliharaan Landasan dan perkara-perkara yang bersangkut-paut dengannya.

b) Bersedia untuk menjalankan tugas bagi memenuhi keperluan operasi penerbangan.

c) Sebagai tambahan, Penyelia Landasan juga bertanggungjawab bagi pemeliharaan bangunan-bangunan di dalam dan di sekitar kawasan Lapangan Terban gseperti RBA Hangar, Flight Kitchen dan bangunan-bangunan Navaids.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 24 Oktober, 1983.

(E/1063/83)
(Bil: 190/1983).

## Sebagai Tukang Cat

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG CAT di Jabatan Laut, Brunei.

**Tanggagaji**: F. 1-2-3-4 EB. 5 — $350-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan sebaik-baiknya tidak lebih dari 35 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagi tukang cat dan tugas-tugas am buruh.

c) Pemohon-pemohon mestilah sihat tubuh-badan, biasa bekerja setinggi 100 kaki dari paras permukaan bumi dan boleh berenang.

**Tugas-tugas:**

Calon-calon yang berjaya akan menjalani tugas-tugas am menyelenggara, membersihkan dan mencat lampu-lampu pancang laut dan tanda-tanda pelayaran laut di perlayaran-pelayaran di seluruh Negara. Mereka akan dikehendaki untuk menjaga kawasan-kawasan yang bertentangan dengan tanda-tanda pelayaran laut yang berpangkalan di darat daripada ditumbuhi oleh semak-belukar dan menebang pokok-pokok serta memotong rumput.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 25 Oktober, 1983.

(E/211/82)
(Bil: 192/1983).

## Sebagai Pemeriksa di Jabatan Audit

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMERIKSA di Jabatan Audit, Brunei.

**Tanggagaji**: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan mempunyai kelulusan yang baik dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.

Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang berpengalaman atau pernah mempelajari Ilmu Menyimpan Kira-kira.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan. Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 25 Oktober, 1983.

(E/595/72)
(Bil: 191/1983)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERPINDAHAN BRUNEI

BIL. 7 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas 'B' bagi:

PROJEK: "NOMINATED SUB-CONTRACT FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF SEWAGE PUMPING EQUIPMENT."

Dokumen-dokumen tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

Jabatan Perpindahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Jalan Berakas,
Brunei

mulai dari 21 September, 1983 sehingga hari Sabtu 8 Oktober, 1983, jam 4.00 petang.

Tarikh tutup: 10 Oktober, 1983.

Cagaran tawaran: $200.00.

Syarat-syarat Tawaran

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklar dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TENDER NOTICE RBMR

TENDER No. 66/1983

SUPPLY OF ICEMAKERS

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 17th October, 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0370 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays, Saturdays and Sundays closed).

4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL. 346 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN PARIT KONKRIT TETULANG 18 INCI LEBAR DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI PEMBAHARUAN MEMPERBAIKI JALAN RAYA YANG ADA DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BATU DUA JALAN BERAKAS, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 September 1983.

Tarikh tutup: 26 September 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 347 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN RUANG PERHENTIAN BAS SEPANJANG JALAN TUTONG DARI BATU 4 HINGGA BATU 14."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di SPECS Pte. Ltd., No. 10, First Floor, Mas Panchar Warna Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup: 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 348 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MENGGOSOK DAN MENGILATKAN LANTAI-LANTAI RUMAH KERAJAAN DALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SELAMA SETAHUN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 September 1983.

Tarikh tutup: 26 September 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 349 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENGHIAS SEMULA PWD. No. 426 RUMAH PANGSA DI JALAN STONEY, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 September 1983.

Tarikh tutup: 26 September 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 350 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN SATU BLOK TAMBAHAN BILIK DARJAH (4) DAN KERJA-KERJA YANG PERSANGKUTAN DENGANNYA BAGI SEKOLAH MELAYU BENGKURONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup: 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 351 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMULIHAN DAN MEMPERBAIKI KUMPULAN PENGADANG YANG ADA DI JAMBATAN SUNGAI TEMBURONG DI BANGAR."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup: 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 352 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN PARIT KONKRIT TETULANG DI SEPANJANG JALAN TUTONG (BT. 4½) SIMPANG JALAN GADONG, DAERAH BRUNEI-MUARA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup: 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 353 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN CABANG SALURAN NAJIS DAN SAMBUNGAN KE 2 BUAH RUMAH PANGSA KELAS 'B' DI ANGGEREK DESA DAN 2 BUAH RUMAH PANGSA GURU-GURU KELAS 'E' DI SEKOLAH MELAYU ANGGEREK DESA, JALAN BERAKAS, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup: 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 354 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

TAWARAN BARU

PROJEK: "MENINGGIKAN BAHAGIAN JALAN RAYA DAN JAMBATAN BAGI PUSAT BELIA DAN KOMPLEKS SUKAN YANG DICADANGKAN DI KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Cooper, MacDonald & Partners, 210 Chandrawaseh Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Oktober, 1983.
6 Oktober, 1983.

Tarikh tutup: 10 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 355 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN DAN PENYIAPAN BERBAGAI SAIZ LONGKANG R.C. MEMBEKAL DAN MEMASANG FOOTPATH KONKRIT TUANG DAHULU (PRECAST CONCRETE) DAN LAIN-LAIN KERJA TAMBAHAN BAGI MEMPERBAIKI SISTEM PARIT DI KAMPUNG SERUSOP, JALAN BERAKAS BATU 4½, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup: 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 356 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk

PROJEK: "KERJA-KERJA ANGKATAN TENTERA DI SERIA — MEMBANGUN SEMULA PEJABAT-PEJABAT DAN STOR-STOR, IBU PEJABAT GARRISON, SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan dirapati di Akitek Bersatu, 148, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Oktober, 1983.

Tarikh tutup: 17 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 357 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas 'B' dan 'A' yang berdaftar:

PROJEK: "ELEKTRIK DAN LAMPU CADANGAN PASAR DI SUNGAI KEBUN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sepakat Setia Perunding, 2nd Floor, 147, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Oktober, 1983.

Tarikh tutup: 10 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 358 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas 'A' yang berdaftar:

PROJEK: "ELEKTRIK DAN LAMPU — CADANGAN PASAR DI GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sepakat Setia Perunding, 2nd Floor, 147, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Oktober, 1983.

Tarikh tutup: 10 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 359 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: MERUBOH DAN MEMBINA SEMULA RAMBLER BANK N.E. BEACON No. 2 (PEJABAT LAIT).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup: 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

## PENGAMBILAN CALON KETUA KAMPUNG RAMBAI, TUTONG

ADALAH dimaklumkan kepada semua penduduk-penduduk Kampung Rambai, Tutong bahawa satu majlis pengambilan calon bagi KETUA KAMPUNG RAMBAI, TUTONG akan diadakan pada hari Ahad, 25 September, 1983, jam 9.30 pagi bertempat di Balai Raya Kampung Rambai, Tutong.

Oleh yang demikian penduduk-penduduk yang berumur 21 tahun ke atas yang tinggal di sekitar kampung-kampung tersebut adalah diminta supaya dapat hadir pada tarikh, waktu dan tempat yang ditetapkan.

Syarat-syarat untuk menjadi CALON adalah seperti berikut:—

(a) Calon hendaklah sudah bermastautin dalam kampung-kampung tersebut sekurang-kurangnya 3 tahun dan setelah dilantik dikehendaki bermastautin secara tetap dalam kampung tersebut;

(b) Calon mestilah berumur tidak kurang daripada 30 tahun.

(c) Calon sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau yang seimbang dengannya atau Darjah VI Sekolah Melayu;

(d) Calon mestilah bukan Pegawai Kerajaan, Kakitangan Syarikat atau Badan Perniagaan.

Borang-borang pendaftaran sebagai calon boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah Tutong.

Sekian dimaklumkan dan atas kehadiran penduduk-penduduk di sekitar kampung-kampung tersebut adalah sangat-sangat diharapkan.

## PEGAWAI BERTAULIAH TETAP ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam satu kerjaya yang mencabar dan mulia sebagai Pegawai Bertauliah Tetap dalam Pasukan ini. Pasukan ini sedang membesar dan berkehendakkan pemuda-pemuda untuk dilatih sebagai pegawai-pegawai tentera dan dalam bidang keahlian seperti jurusan Penerbangan, Pelaut, Logistik, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang-Awang berkebolehan dan mempunyai kelayakan-kelayakan akademik yang diperlukan, Pasukan ini akan membantu Awang-Awang untuk dilatih di dalam bidang-bidang tersebut.

Pasukan ini percaya yang Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai Pasukan akan diadakan dalam awal bulan Nobember 1983. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari 7 Oktober, 1983.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
b. Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan menyesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.
c. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris. Kelulusan dalam Ilmu Hisab dan mata-mata pelajaran Sains yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur di antara 17½ hingga 25 tahun pada 1 Januari, 1984.
e. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.
f. Lulus pemeriksaan kesihatan tentera.

Jika Awang-Awang terpilih sebagai bakal calon Pegawai Kadet, Awang-Awang akan menjalani latihan asas tentera di Pusat Latihan Perkhemahan Bolkiah selama 6 ke 9 bulan. Tertakluk kepada lulusnya Awang-Awang dalam latihan tersebut Awang-Awang seterusnya akan dihantar ke seberang laut untuk menjalani kursus Pegawai Kadet. Setelah tamat dan lulus berkursus di seberang laut, Awang-Awang akan menerima tauliah sebagai pegawai di dalam Pasukan AMDB.

Jika Awang-Awang inginkan penerangan yang lebih lanjut lagi silalah berhubung kepada:

Timbalan Penolong Ejutan Jeneral (DAAG)
Markas Pasukan
Askar Melayu Diraja Brunei
Berakas Garison
Telefon: 31111 samb. 23347, 23307 atau 23284.

Dan untuk melicinkan urusan pentadbiran, sila berikan nombor telefon Awang-Awang di dalam permohonan Awang-Awang.

# [illegible]WATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, BRUNEI

[illegible]AN-permohonan [illegible] daripada [illegible] berkelayakan [illegible] jawatan- [illegible] yang berikut [illegible] Perubatan dan [illegible]

[illegible]NTU TEKNIK

[illegible] dan [illegible] Bangunan. [illegible] Kejuru- [illegible] Khas Rumah [illegible]

[illegible] C.2 EB. 3 — [illegible]

[illegible] Pengalaman :

[illegible] Diploma [illegible] Teknikal [illegible] sebanding [illegible] dalam bidang [illegible] berkaitan. [illegible] selama 5 tahun dalam lapangan yang berkaitan, sebaik-baiknya dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam perkhidmatan kejuruteraan rumah sakit adalah satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang tidak memenuhi kelayakan di atas tetapi mempunyai pengalaman lebih lama dan sesuai, serta mempunyai kebolehan dan kecekapan akan juga dipertimbangkan.

2. PEMBANTU TEKNIK:
   i) Mekanikal.
   ii) Elektrik.
   iii) Jentera.
   iv) Hawa Dingin dan penyejukan
   v) Bangunan.
   vi) Perkhidmatan Kejuruteraan Khas Rumah Sakit.

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Sijil Intermediate City and Guilds atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam mata-mata pelajaran yang sesuai.

b) Pengalaman selama 4 tahun dalam lapangan yang berkaitan, sebaik-baiknya dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam kerja-kerja perkhidmatan kejuruteraan rumah sakit adalah satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang berkelulusan rendah dari yang tersebut di atas tetapi berpengalaman lebih lama dalam bidang yang berkaitan, serta mempunyai kebolehan dan kecekapan akan juga dipertimbangkan.

3. TRADESMAN KUMPULAN I TINGKAT KHAS:
   i) Mekanikal
   ii) Elektrik.
   iii) Jentera.
   iv) Hawa Dingin dan penyejukan
   v) Perkhidmatan Kejuruteraan Khas Rumah Sakit.

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — $720-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Sijil Pertukangan Kejuruteraan Intermediate City and Guilds atau Kelulusan Kejuruteraan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam jurusan yang sesuai.

b) Pengalaman selama 4 tahun dalam bidang yang bersangkutan, sebaik-baiknya dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam kerja-kerja kejuruteraan rumah sakit adalah satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di atas tetapi mempunyai pengalaman yang lebih lama serta kebolehan dan kecekapan dalam bidang yang berkenaan akan juga dipertimbangkan.

4. TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT KHAS:
   i) Mekanikal.
   ii) Elektrik.
   iii) Hawa Dingin dan penyejukan
   iv) Bangunan dan Kerja-Kerja Pemasangan Paip.

Tanggagji : D. 2 EB. 3 — $515-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Sijil Asas Pertukangan Kejuruteraan City and Guilds atau kelulusan Pertukangan Kejuruteraan yang di iktiraf sebanding dengannya dalam jurusan yang berkaitan.

b) Pengalaman selama 3 tahun dalam kerja-kerja yang berkenaan, sebaik-baiknya dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam kerja-kerja Perkhidmatan Kejuruteraan Rumah Sakit adalah satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang tidak memcapai kelayakan di atas akan juga dipertimbangkan bergantung kepada kelamaan pengalalaman serta kebolehan dan kecekapan dalam kerja-kerja yang berkaitan.

5. TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT I:
   i) Mekanikal.
   ii) Elektrik.
   iii) [illegible]

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang-kurangnya Kursus Latih Asas Pertukangan Kejuruteraan dari sebuah Sekolah Teknikal yang diiktiraf atau lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 2 tahun dalam Kerja-Kerja Pertukangan Kejuruteraan yang berkaitan.

b) Pemohon-pemohon mestilah mengetahui serta mempunyai kebolehan dan kecekapan dalam kerja-kerja yang berkaitan.

c) Pengalaman dalam Kerja-Kerja Kejuruteraan Rumah Sakit adalah satu kelebihan.

Am :

Calon-calon yang berjaya akan ditugaskan di Bahagian Pemeliharaan Bangunan dan Kejuruteraan di Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha, Kiulap, Brunei. Mereka mestilah bersedia bertugas di luar waktu bekerja biasa bila-bila masa dikehendaki.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaruan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-nak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Bagi pemohon-pemohon di dalam Negara Brunei Darussalam borang permohonan boleh didapati di Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Borang permohonan boleh juga didapati daripada Suruhanjaya Brunei, 7A, Tanglin Hill, Singapura ATAU Suruhanjaya Brunei No. 36, Jalan U Thant, Kuala Lumpur, Malaysia dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 20 Oktober.

(E/642/82)

(Bil: 176/1983)

## [illegible]RITAHUAN TAWARAN KERAJAAN BRUNEI

[illegible]AN-tawaran adalah dipelawa bagi membekal [illegible] Perkakas Pejabat yang disebutkan di bawah [illegible] 1984.

**JENIS BARANG**

[illegible] Desk 72″ x 34″ x 30″
[illegible] Double Ped Desk 60″ x 30″ x 30″
[illegible] Single Ped Desk 48″ x 30″ x 30″
[illegible] Table : With Stationery Slope
[illegible] Chair
[illegible] Chair with Arm Rest
[illegible] Chair
[illegible] Chair
[illegible] Filing Cabinet 4 drawers
[illegible] Cupboard 72″ x 18″ x 36″
[illegible] Plan File Cabinet 30″ x 46″ x 35″ — 5 drawers
[illegible] Plan File Cabinet 49½″ x 34″ x 17½″
[illegible] Recorder File Cabinet — 20 trays
[illegible] Tray 10″ x 15″ x 2½″
[illegible] Waste Paper Bin
[illegible] with Glass Sliding Door 40″ x 36″ x 18″
[illegible] Table
[illegible] Chair
[illegible] Fire Proof File Cabinet — 4 drawers
[illegible] Typewriter 18″
[illegible] Typewriter 26″
[illegible] 24 Digit Desk-Top Electronic Calculator with automatic print-out and illum native display
[illegible] Machine Electric
[illegible] Electronic Typewriter
[illegible] Machine
[illegible] Machine
[illegible] Machine
[illegible] Cutting Machine
[illegible] Rack 5 tier
[illegible] Medium Size
[illegible] Table
[illegible] Chair
[illegible] Shelving 5 shelves
[illegible] Catalogue Cabinet 25 drawers
[illegible] Shelving
[illegible] Table
[illegible] Chair
[illegible] Chair.

[illegible]-tawaran hendaklah ditujukan kepada Penge[illegible] Tawaran, Brunei dan dimasukkan ke dalam Peti [illegible] terletak di Pejabat Kewangan Negara di Tingkat [illegible] Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri [illegible] tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada [illegible]. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari [illegible] yang ditetapkan itu tidak akan dilayan.

[illegible]-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul [illegible] yang tertutup dan pada sebelah depan tiap-[illegible] surat itu hendaklah ditandakan "TAWAR-[illegible] MEMBEKAL PERABOT DAN ALAT PERKAKAS [illegible] Nama atau identiti penawar sama sekali tidak [illegible] pada sampul surat tawaran itu.

[illegible] tawaran-tawaran itu hendaklah tentukan harga [illegible] barang termasuk cukai dan pembuat [illegible] serta negeri asal barang-barang itu [illegible] dinyatakan dengan jelas. Syarat-syarat jamin[illegible] tersedianya alat-alat ganti dan pemeli[illegible], jika ada, untuk mesin-mesin pejabat mestilah [illegible]

[illegible] penawar yang berjaya akan dikehendaki me[illegible] barang itu dari masa ke masa ke tempat [illegible] oleh Pegawai Kewangan Negara.

[illegible] yang dibekalkan hendaklah menurut bu[illegible] yang dinyatakan dalam tawaran dan [illegible] butir-butir dan penentuan yang dikehen-

## Di dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PENJAGA JENTERA TAPISAN AIR KOLAM BERENANG: (Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan).

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan sekurang-kurangnya lulus Darjah IV Melayu atau sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dalam Kerja Jentera Tapisan Air.

c) Pemohon-pemohon mestilah boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil dan mencampur ubat kelorian.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bekerja di luar waktu bekerja yang biasa bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan. Selain dari itu calon mestilah juga dikehendaki menjalankan tugas sebagai Penyelamat Nyawa (Life Guard) dari masa ke semasa.

2. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT KHAS: (Jabatan Hal Ehwal Ugama).

Tanggagaji : E. 2 EB. 3 — $470-$605 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak lebih dari 45 tahun.

b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai pemandu motor sangkut dan biasa hilir mudik di Sungai Brunei, terutamanya perjalanan ke Daerah Temburong.

c) Pandai membaca dan menulis.

d) Sekurang-kurangnya mempunyai kebolehan sedikit sebanyak dalam urusan membaiki kerosakan jentera motor sangkut.

3. PEGAWAI PERUSAHAAN KAMPUNG: (Jabatan Pertanian).

Tanggagaji : D. 1-2 EB. 3-4 — $425-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 — 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata-mata pelajaran Sain dan mempunyai pengalaman di bidang pertanian.

c) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) dan (b) tetapi pernah menghadiri kursus-kursus pertanian dalam negara dan mempunyai pengalaman bekerja di Jabatan Pertanian sebagai Pegawai Perusahaan Kampung bergaji hari selama tidak kurang dari 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

**Latihan dan Tugas :**

a) Pemohon-pemohon yang berjaya akan diberi latihan asas pertanian di Pusat Latihan Pertanian Sinaut selama lebih kurang 3 bulan.

b) Setelah berjaya menamatkan latihan mereka akan ditugaskan di kampung-kampung dalam mana-mana daerah. Antara tugas-tugas yang akan dijalankan ialah membimbing, menasihat dan mengadakan tunjuk-tunjuk cara kepada peladang-peladang wanita dalam aspek-aspek pertanian seperti bertanam sayur-sayuran, buah-buahan dan memelihara ternakan kecil.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, tidak lewat dari 6 Oktober, 1983.

( E/25/73 )

( Bil : 174/1983 ).

## PERMIT BAS BEKERJA

LEMBAGA Melesen Kenderaan Bermotor kini mengeluarkan permit Bas Pekerja ( BK ) dengan mengunakan kenderaan jenis "Wagon".

a) TUJUAN BAS PEKERJA

Bas ini digunakan bagi mengangkat pekerja-pekerja syarikat pembangunan, kilang, supermarket atau hotel dari satu tempat bekerja ke tempat bekerja yang lain atau dari tempat kediaman ke tempat bekerja. Bas tidak dapat digunakan bagi kegunaan lain dari yang ditetapkan ini.

b) KELAYAKAN BAGI MEMOHON

Permit ini terbuka bagi [illegible] pihak lain untuk menjalankannya.

c) CARA MEMOHON

Dengan mengisi borang permohonan yang disediakan yang boleh didapati dari Pejabat Pengangkutan Darat ( Bahagian Lembaga Melesen ) di Jalan Gadong, dengan menyertakan, selain dari perkara-perkara yang diperlukan dalam borang permohonan itu, satu surat perjanjian di antara pemohon syarikat yang berkenaan bagi menyatakan syarikat tersebut bersetuju menggunakan perkhidmatan bas si pemohon untuk mengangkat pekerja-pekerja syarikat itu memerlukan bas itu, antara lain, akan menyatakan perkara-perkara berikut:—

a) Tempoh perjanjian

b) Bayaran yang akan dibuat oleh syarikat menggunakan bas.

c) Waktu-waktu bas akan diperlukan.

e) TEMPOH PERMOHONAN

Tidak terhad selagi ada syarikat, kilang, supermarket atau hotel yang memerlukan bas tersebut.

f) TEMUDUGA

Pada kebiasaannya setiap pemohon akan ditemuduga oleh Lembaga Melesen.

Semua Permohonan hen-

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARA...

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PENGURUS PENGENDALIAN KOMPUTER: (Jabatan Kewangan).

**Tanggagaji:** B. 3 — $3350-$3640 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Mempunyai ijazah universiti atau kelulusan ikhtisas serta pengalaman yang luas mengenai komputer dan sistem-sistem komputer di peringkat pengurusan, dan pengetahuan mengenai sistem-sistem perakaunan Kerajaan.

**Tugas-tugas:**

Bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Komputer Perbendaharaan (jenis ICL 2903).

Menghubungi jabatan-jabatan yang mengunakan kemudahan komputer ini untuk mempastikan supaya sistem pengunaan Komputer ini terus berjalan dan ditingkatkan.

Melatih pihak pengguna dan kakitangan Penyediaan Data.

2. JURUKIRA: (Jabatan Kemajuan Kerjasama).

**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $1975-$3540 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun.
b) Mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dalam Ilmu Jurukira dan Perakaunan atau yang sebanding dengannya.
c) Mempunyai pengalaman/pengetahuan yang tertentu yang akan membolehkan mereka untuk melaksanakan apa-apa jua tugas-tugas Kira-mengira am, Kira-Kira Perdagangan dan Perniagaan Swasta atau Persendirian atau pengetahuan yang mendalam dalam Kira-mengira Kerajaan terutamanya dalam bidang "Allocated" dan "Unlocated Store", Kira-Kira Perdangangan, mengawal belanjawan dan stok di pusat perbekalan syarikat.
d) Pengetahuan dalam bidang Electronic Data Processing dan Pengetahuan Bahasa adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENGUASA JENTERA: (Jabatan Perubatan)
i) Mekanikal.
ii) Letrik.
iii) Hawa Dingin dan Penyejukan.

**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $1975-$3640 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai Ijazah atau menjadi ahli Institute Kejuruteraan yang diakui atau mempunyai kelulusan sebanding yang diiktiraf dalam bidang yang berkaitan.
b) Pengalaman selama 7 tahun dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan juga termasuk pengalaman mengawas.

4. JURUKIRA: (Jabatan Kewangan).

**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $1975-$3640 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelayakan perakaunan yang diiktiraf dan mempunyai pengalaman yang membolehkan mereka melaksanakan tugas-tugas perakaunan di Jabatan Perbendaharaan atau di jabatan-jabatan yang lain. Pengetahuan yang terperinci dalam tatacara perakaunan Kerajaan dan pengetahuan dari jenis akaun-akaun komersil yang disimpan oleh perusahaan-perusahaan separuh Kerajaan adalah penting. Pengetahuan dalam memproses data elektronik juga merupakan satu kelebihan.

**Tugas:**

Para pemegang jawatan-jawatan ini akan dikehendaki bertugas sama ada di Jabatan Perbendaharaan atau di perbagai Jabatan-jabatan Kerajaan sebagai yang dikehendaki. Mereka mungkin dikehendaki untuk mengurus bahagian-bahagian yang tertentu di Jabatan Perbendaharaan ataupun kerja-kerja perakaunan di lain-lain Jabatan dan untuk bekerja dengan pengawasan yang minima.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 24 Oktober, 1983.

(E/111/80)

(Bil: 181/1983)

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Nekara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan.

1. TRADESMAN TINGKAT I: (di Pejabat Daerah Temburong)

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 20 dan 45 tahun dan mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II Sekolah Melayu atau sebanding dengannya.
b) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya 5 tahun dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan sebagai Mekanik Injin yang menguna-kan minyak petrol.
c) Pemohon-pemohon yang mempunyai Kelulusan Teknikal seperti City and Guilds adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas:**

Pemohon-pemohon mestilah bersedia menjalankan sebarang tugas sepertimana yang diaturkan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya.

2. TRADESMAN TINGKAT I: (di Jabatan Perubatan dan Kesihatan).

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berusia di antara 22 dan 45 tahun.
b) Lulus Sijil City and Guilds atau Sijil Sekolah Pertukangan yang tertentu atau mempunyai kelulusan yang sebanding denganya.
c) Berpengalaman sekurang-kurangnya selama 2 tahun dalam bidang yang tertentu dan mempunyai pengalaman.

**Syarat-syarat Lain:**

Calon yang berjaya akan ditempatkan di Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait tetapi mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana bahagian Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang dikehendaki. Juga bersedia untuk bertugas selepas waktu-waktu bekerja biasa dan membuat tugas-tugas panggilan.

3. TUKANG LETRIK LAUT (di Cawangan Laut, Pasukan Polis Diraja Brunei).

**Tanggagaji:** F. 4-5 EB. 6— $490-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai pengalaman bekerja dalam letrik asas.
b) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja membuka dan memasang komponen-komponen letrik.
c) Mempunyai ... tentang ... keselamatan ... buat kerja-kerja ... peralatan letrik.
d) Pandai mencari ... kerosakan ... mudah.
e) Cekap membuat ... an-sambungan ... dan memasang ... wayar-wayar ... rendah.
f) Calon-calon yang ... nyai kelayakan ... yang lebih ... pengalaman yang ... an akan mempunyai ... kelebihan.

Seseorang yang sedang ... khidmat dengan ... hendaklah menghantar ... honannya melalui Ketua ... tannya dan Ketua Jabatan ... hendaklah menyertakan ... sama-sama dengan ... an ini satu Laporan S... satu salinan Rekod ... matan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam ... salinan borang bagi ... satu jawatan yang boleh ... dapati daripada Jabatan ... jawatan, Brunei dan ... lah dikembalikan ... sama dengan salinan ... surat akuan dan ... kepada Pengarah Per... Jabatan Perjawatan, B...

Tarikh tutup: 24 O... 1983.

(E/516/79)

(Bil: 188/1983)

## Di Jabatan Radio Dan Televisyen

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei.

1. PENGAWAS (TUKANG LETRIK):

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Calon-calon hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai 3 tahun pengalaman sebagai Pelatih Teknikal/Juruelektrik yang bertugas di studio televisyen. Kebolehan sebagai seorang pemimpin dalam mengawal bilangan kakaitangan yang kecil, adalah diperlukan.

Pemohon-pemohon yang terdiri daripada Juruletrik yang mempunyai kelayakan yang sesuai dalam bidang pertukangan dan pengalaman dalam kerja-kerja pemeliharaan pemasangan elektrik juga akan dipertimbangkan.

**Tugas-tugas:**

Bertanggungjawab terhadap Pengawas Lampu bagi menyelia Juru-juru Letrik Studio yang bertugas mengawas perlengkapan lampu-lampu studio. Bertanggungjawab sebagai

2. PEMBANTU STUDIO:

**Tanggagaji:** F. 1-2 EB. 3 — $350-$470 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Calon-calon mestilah sekurang-kurangnya telah lulus Tingkatan III aliran Melayu atau Inggeris dan bersopan-santun serta mempunyai perwatakan yang baik. Berminat dalam kerja studio Radio adalah merupakan satu keistemewaan.

**Tugas-tugas:**

Mengutip dan menghantar pita-pita. Memandu atau mengiring para penonton. Mengiringi artis-artis ke bahagian solek, pakaian, kantin dan lain-lain. Memastikan yang studio dan bilik-bilik kawalan sentiasa dalam keadaan kemas.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tdak lewat dari 20 Oktober,

## Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berbangsa Melayu berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT I:

**Tanggagaji:** F. 3-4-5 EB. 6 — $430-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) Hendaklah tahu membaca dan menulis.
c) Mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam penyelenggaraan enjin-enjin Motor Sangkut.

2. BILAL:

(Masjid Bokok, Temburong)

**Tanggagaji:** D. 1-2 EB. 3 $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur tidak kurang dari 20 tahun.
b) Hendaklah tahu membaca dan menulis jawi.
c) Hendaklah tahu membaca Quran.
d) Hendaklah tahu dalam menyempurnakan mayat.
e) Hendaklah tahu dalam bertahlil dan membaca doa.
f) Boleh menyampaikan azan
g) Hendaklah mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara bersuci, sembahyang, zakat dan puasa.
h) Hendaklah pandai berzikir. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Masjid yang berkenaan.

3. PENJAGA:

**Tanggagaji:** F. 1-2 EB. 3— $350-$470 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun
b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.
c) Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawas harta benda Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki diluar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift).

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan salinan borang bagi tiap-tiap mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 26 September, 1983.

## INSPEKTOR-INSPEKTOR PERCUBAAN POLIS DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada ... da-pemuda yang terdiri daripada rakyat Kebawah D... Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang D... Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi beberapa ... kosong sebagai Inspektor-Inspektor dalam Pasukan Po... Brunei.

**Kelayakan-kelayakan**

(a) Berumur di antara 19 dan 26 tahun.
(b) Pemohon-pemohon mestilah telah lulus se... kurangnya Sijil Pelajaran Am Brunei ... peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya.
(c) Tinggi sekurang-kurangnya 5′ 4″.
(d) Sukatan dada yang tidak dikembangkan se... kurangnya 34 inci.
(e) Mempunyai badan yang sihat.

**Latihan**

Calon-calon yang diterima akan menjalani latihan ... laan selama lapan bulan di Pusat Latihan Polis, G... sebagai Kadet-kadet Pegawai Polis. Setelah tamat ... sebagai Inspektor-inspektor Percubaan, mereka a... tempatkan di berbagai-bagai Cawangan Polis bagi ... patkan pengalaman dan akan menjalani kursus-ku... jut sebelum ditetapkan dalam jawatan mereka ... Inspektor. Semua pegawai-pegawai akan menghadiri ... sus-kursus di seberang laut setelah menamatkan ... poh percubaan.

**Gaji**

Dalam tanggagaji P6 — $885 (x35)—1275/EB/13... (dan yang lebih tinggi lagi melalui kenaikan pa...
Semua pemohon-pemohon akan menerima gaji pe... sebanyak $885 sebulan.
Elaun 'P' — $100 sebulan — juga akan diberi.

**Permohonan-permohonan**

Permohonan-permohonan mestilah dilengkapkan ... borang Polis 2 yang boleh diperolehi daripada Ibu P... Polis, Gadong atau di Ibu Pejabat-Ibu Pejabat Polis di ... Seri Begawan dan Panaga dan mestilah sampai kepada P... jaya Polis tidak lewat dari 30 September, 1983. Pegawai-... wai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mestilah ... hon melalui Ketua-ketua Jabatan mereka masing-masing.

## TENDER NOTICE RBMR

TENDER No. 65/1983 SUPPLY OF GENERATOR PANEL FOR L/R 101 (24 VOLTS).

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri ... on Monday 3rd O... 1983.
3. Tender documents ... seen and obtained from ... curement Office, ... Depot, Royal Br... Regiment, Bolkiah ... during normal working ... (0370 to 1230 and ... 1630 Mondays to Th... 0730 to 1130 Fridays ... days and Sundays closed.
4. The Government of ... does not bind itself ...

Tarikh tutup: 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

BIL. 354 TAHUN 1983

...WARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pem-

(a) Calon ... bermastautin dalam kampung-kampung tersebut sekurang-kurangnya 3 tahun dan setelah ... atas kehadiran penduduk-penduduk di sekitar kampung-kampung tersebut adalah sangat-sangat diharapkan.

Dan untuk melicinkan urusan pentadbiran, sila berikan nombor telefon Awang-Awang di dalam permohonan Awang-Awang.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI.

...HONAN-permohonan ... dipelawa daripada ... yang terdiri dari ... Kebawah Duli Yang ... Mulia Paduka Seri ... Sultan dan Yang ... Negara Brunei ... untuk memenuhi ... jawatan kosong yang ... Dewan Bahasa dan ... Brunei.

...NGELOLA ...KEMBANGAN ...HASA MELAYU.

...gaji: C. 3-4 EB. 5 ...-$2580 sebulan.

... dan Pengalaman:

... Mempunyai kelulusan Di... dalam bidang Baha... yang bersesuaian yang ...

...

... mempunyai kelulusan da... 2 mata pelajaran Sijil ... Peringkat 'A' dan se... kurangnya Sijil Am ... Peringkat 'O' ... mempunyai pengala... dan kecenderungan ... kerja-kerja bidang ... tidak kurang dari ...

...

... mempunyai kelulusan se... kurangnya 3 mata ... Sijil Am Pering... 'O' dan mempunyai ... kecenderung... kerja-kerja bi... lebih kurang ...

... membaca dan menu...

... Bahasa Inggeris ... menulis dan ... Menguasai ... kurangnya satu ... ketiga merupakan ... keutamaan.

... mempunyai minat untuk ... penyelidikan dan ... mengenai Baha...

... dalam kursus ... Pengajian Melayu ... Maktab/Intitusi yang ... adalah satu kele...

...NGARANG ...IANAN:

...gaji: C. 3-4 EB. 5 ...-$2580 sebulan.

... dan Pengalaman:

... Mempunyai Diploma ... Sijil Seni Kreatif di ... kesusateraan dari ... Institusi/Mak... yang diakui.

...

... mempunyai kelulusan da... 2 mata pelajaran Sijil ... Pelajaran Peringkat ... dan sekurang-kurang... 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dan kecenderungan dalam kerja-kerja penulisan kreatif sastera dan kebudayaan sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

ATAU

c) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun sebagai Pengarang di dalam Institusi Penerbitan Kerajaan atau swasta akan juga dipertimbangkan. Mereka hendaklah dapat menunjukkan kerja-kerja yang sudah diterbitkan.

d) Menguasai Bahasa Inggeris (Membaca, menulis dan menterjemah). Menguasai satu bahasa ketiga adalah merupakan satu kelebihan.

3. PEGAWAI ISTILAH:

**Tanggagaji**: C. 2 EB 3 — $1260-$1980 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Mempunyai kelulusan Diloma di bidang yang bersesuaian dari Maktab/Institusi yang diakui.

ATAU

b) Mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'A' dan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai kecenderungan dan pengalaman dalam kerja-kerja bahasa.

ATAU

c) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja bahasa boleh juga dipertimbangkan.

d) Mempunyai inisiatif untuk merancang kerja-kerja bagi kemajuan dan perkembangan bahasa.

e) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

f) Menguasai Bahasa Inggeris dan bahasa ketiga adalah diberi keutamaan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei. Tarikh tutup: 20 Oktober, 1983.

( E/1903/83 )

( Bil : 184/1983 ).

## Di Jabatan Muzium-Muzium, Brunei.

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Muzium-Muzium, Brunei.

1. KURATOR AKIOLOJI:

**Tanggagaji**: B.2 EB.3 atau B.3 — $1975-$3640 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Berumur di antara 18 hingga 45 tahun.

b) Berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Sastera yang diakui dalam jurusan Akioloji atau Antropoloji atau Sejarah, atau Sarjana Muda Sains yang diakui dalam jurusan Geoloji.

Kemahiran dan

Kecenderungan:

Berpengalaman dalam merancang dan melakukan kerja-kerja penggalian di kawasan-kawasan purbakala, melakukan kerja-kerja penyelamatan ke atas tinggalan-tinggalan purbakala; berkebolehan dalam melakukan kerja-kerja penyelidikan, penganalisaan dan penafsiran ke atas tinggalan-tinggalan purbakala serta mahir dalam karang-mengarang dan menulis laporan-laporan yang berkenaan dengan kerja-kerja Akioloji. Cenderung dalam melakukan kerja-kerja luar di mana sahaja, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar tanpa mengira waktu-waktu bekerja biasa.

Kemudahan Latihan:

Bagi pemegang ijazah yang jurusannya bukan Akioloji, ia hendaklah dimestikan menjalani latihan di seberang laut dalam bidang Akioloji atau Pra-Sejarah sama ada di Muzium atau di Pusat Pengajian Tinggi demi untuk menambahkan lagi pengalaman atau kelulusan. Bagi pemegang ijazah Akioloji dia akan dihantar untuk mengikuti kursus post-graduate bagi meninggikan kelulusan dan menambah pengalaman.

Kemajuan Kerjaya:

(Keistimewaan)

Calon-calon yang telah dilantik dan setelah menjalani latihan atau memperolehi kelulusan akademik/profesional yang lebih baik atau telah berkhidmat 5 tahun dan jika pekerjaannya memuaskan dia akan diletakkan ke tingkatan gaji B3.

Tugas:

Calon yang berjaya akan bertanggungjawab kepada Pengarah Muzium-Muzium dalam pentadbiran, pengawalan, perancangan dan perlaksanaan kerja-kerja di Bahagian Akioloji. Ini termasuklah kerja-kerja penyelidikan, pengalian dan penyelamatan ke atas tinggalan-tinggalan purbakala di seluruh negara. Ianya juga bertanggungjawab dalam mengumpul dan menyedikan data-data yang berhubung dengan Akioloji negara ini bagi faedah perekodan, pengajian, penganilisaan, penafsiran dan penyusunan semua sejarah negara ini. Dengan itu dia juga berkewajipan untuk menulis bagi diterbitkan segala laporan tentang apa jua mengenai kerja-kerja Akioloji yang telah dilakukan.

2. KURATOR ETNOGRAFI:

**Tanggagaji**: B.2 EB.3 atau B.3 — $1975-$3640 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Berumur di antara 18 hingga 45 tahun.

b) Berkelulusan sekurang-kurangnya B.A. atau B.Sc. dalam Social Science atau Sociology (Kajian Masyarakat) atau Anthropologi (Kajian Manusia) atau mendapat A.M.A. dalam Kaji Bangsa.

Kemahiran dan

Kecenderungan

Mestilah seorang yang cenderung dalam bahagian akademik, menulis serta menyelidik.

Kemudahan Latihan:

Calon yang berjaya akan dihantar keluar negeri untuk membuat Post-Graduate & Studies sama ada dalam bahagian akademik ia itu mengambil ijazah Sarjana/Kedoktoran atau Diploma dalam jurusan Kaji Bangsa. Dia juga akan ditempatkan di sebuah Muzium Kaji Bangsa untuk mendapatkan pengalaman.

Kemajuan Kerjaya:

(Keistimewaan)

Calon yang telah dilantik dan setelah menjalani latihan atau memperolehi kelulusan akauemik/profesional yang lebih baik atau telah berkhidmat selama 5 tahun dan jika pekerjaannya memuaskan dia akan dinaikkan ke sukatan gaji B.3.

Tugas:

Akan bertanggungjawab kepada Pengarah Muzium-Muzium dalam pentadbiran, pengawalan, perancangan dan perlaksanaan kerja-kerja Bahaian Etnografi dan bertindak sebagai Ketua Bahagian Etnografi. Ini termasuk bagi mengumpulkan, merekodkan serta menulis berkenaan dengan kebudayaan puak-puak di negara Brunei dan membuat kerja-kerja kajian yang diarahkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei. Tarikh tutup: 20 Oktober, 1983.

( E/1901/83 )

( Bil : 187/1983 ).

## ...JATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

...NOTIS TAWARAN

...WARAN-tawaran adalah ... bagi menjalankan ... mengangkat dan ... najis-najis (night-... sebanyak 274 tong di ... kawasan Lembaga ... Kuala Belait, dan ... di dalam kawasan ... Bandaran Seria pa... malam bagi enam ... Januari—Jun 1984).

...-tawaran mestilah ... kepada Pengeru... Tawaran di Peja... Negara, Ting... Bangunan Peja... Bandar Seri Be... Brunei, sehingga jam ... hari pada hari ... September, 1983. ... yang diterima se... selepas atau waktu ini ...

...-tawaran mestilah ... ke dalam sampul... biasa yang ber... di muka sampul ... boleh dibu... yang boleh menge... nama Penawar. ...-sampul surat itu ... dialamatkan kepada ... Lembaga Tawaran ... seperti diterangkan di fasal 2).

5. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di atas sampul surat itu dan perkataannya mestilah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI DALAM KAWASAN-KAWASAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran-tawaran yang diterima dalam sampul-sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

6. Surat perjanjian mengandungi peraturan-peraturan atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat dilihat di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, pada bila-bila masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua orang pemandu akan disediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait untuk mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran.

## Sebagai Guru Bahasa

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai GURU BAHASA di Pusat Pengkajian, Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

**Tanggagaji**: T.7 — $875-$1805 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Sijil pendidikan atau Diploma Pendidikan dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman mengajar.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang bahasa ibunda mereka ialah Bahasa Inggeris dan mempunyai kelulusan atau pengalaman di bidang mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing.

**Syarat-syarat Lantikan**:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 7 Nobember, 1983.

(E/1715/77) (Bil: 189/1983)

## Sebagai Operator Teleprinter

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai OPERATOR TELEPRINTER di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Tanggagaji**: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

**Tugas-tugas**.

Pemohon-pemohon mestilah boleh bertutur dan menulis dengan fasih dalam bahasa Inggeris. Kelulusan menaip merupakan suatu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift).

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 6 Oktober, 1983.

( E/356/75 )

( 178/1983 ).

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA BRUNEI

### No. 66/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

PEBEKALAN STEEL PIPE FITTINGS AND SPECIALS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

### No. 67/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

PEMBEKALAN INDUSTRIAL MASKING TAPE BERJENIS-JENIS UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 68/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

PEMBEKALAN WATER METERS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

### No. 69/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

PEMBEKALAN CANGKUL 3 LBS CAP "CROCODILE".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# DASAR BERBAIK2 AKAN DITERUS

Oleh: Abd Karim HAB

PEKAN BANGAR. — Dalam menempuh zaman barunya, negara ini akan terus mengamalkan dasar untuk berbaik-baik dengan negara-negara yang ikhlas dan jujur terhadapnya.

YB Pemangku Setiausaha Kerajaaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman ketika berucap merasmikan Perkhemahan Angkatan Bersenjata Singapura di Lakiun kira-kira 6 batu dari sini pada pagi Khamis lepas,menegaskan apa jua perhubungan yang diadakan adalah berasaskan prinsip saling memahami, dan mempercayai keperluan dan kepentingan masing-masing.

"Dengan prinsip sedemikian Negara Brunei Darussalam akan dapat memainkan peranannya sebagai sebuah negara merdeka yang makmur dan maju dalam rantau ini," jelas Yang Berhormat.

Menurutnya lagi, Negara Brunei Darussalam akan terus meninjau perkembangan-perkembangan ekonomi, sosial dan lain-lain daripada negara-negara yang mempunyai latarbelakang yang sama seperti jua negara-negara jiran.

Berhubung dengan angkatan bersenjata dari Singapura, beliau berkata latihan mereka di sini akan memberi pengajaran yang mendalam mengenai dengan hakikat hidup yang sebenarnya dalam sebuah negara yang mempunyai tradisi dan kebudayaan serta corak hidup yang mendalam.

Yang Berhormat itu melahirkan harapan semoga khemah yang baru itu akan dapat memberikan kemudahan-kemudahan kepada pelatih-pelatih dan pihak-pihak yang memberikan latihan kepada Angkatan Bersenjata Singapura sebagaimana yang diperlukan dan diharapkan oleh mereka.

Yang Berhormat itu juga mencatitkan penghargaan kepada Kerajaan Republik Singapura yang telah memberikan berbagai kemudahan dalam bidang latihan seperti pelajaraan, perhubungan awam, pos, talikom dan ketenteraan.

Terdahulu dari itu, Awang Lim Siong Guan, Setiausaha Tetap Pertama, Kementerian Pertahanan Singapura telah juga memberikan ucapan.

Selesai perasmian, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan dan rombongan telah dibawa melawat kesekitar perkhemahan dan menyaksikan demonstrasi ketenteraan yang ditunjukkan oleh Scout dan Pioneer Platon dari Batallion Regimen Ketiga Tentera Berjalan Kaki Republik Singapura; Kumpulan Penjejak Combat Askar Singapura; dan Squadron ke 120 Tentera Udara Republik Singapura.

Turut hadir di majlis pagi itu ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan; pegawai-pegawai kanan AMDB; pegawai-pegawai kanan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF); dan jemputan-jemputan khas.



# Majlis kesyukuran persembahan PD...

GADONG. — Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berangkat ke majlis kesyukuran sempena Puja Usia Baginda ke-37 tahun yang dipersembahkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei bertempat di Mess Pegawai Ibupejabat Polis di sini pada malam Ahad lepas.

Keberangkatan Baginda berdua dan rombongan Diraja, dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Polis, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong (gambar atas)

Berangkat sama ialah Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed ... Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran ... Zariah.

Turut juga berangkat ialah Y.T.M. ... Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri ... Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Di... Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah ... kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Di majlis tersebut Baginda ... Pesuruhjaya Polis Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid ... tuk memotong kek sempena puja usia Baginda ... samping itu, di majlis tersebut ... diserikan dengan persembahan-persembahan ... oleh artis-artis dari luar negeri dengan ... oleh pancaragam Polis Diraja Brunei.

# Lebih 200 anak2 yatim dan anak2 cacat dirai

KEBAJIKAN rakyat dan penduduk negara ini terutama yang kurang bernasib baik telah sentiasa dikalingai oleh kerajaan malah orang-orang perseorangan sering juga menghulurkan bantuan-bantuan kepada mereka itu sama ada berupa material atau fizikal.

Anak-anak yatim, orang-orang cacat dan mereka yang kurang bernasib baik sentiasa mendapt tempat di hati rakyat yang mana mereka sering diraikan terutama sekali di hari-hari kebesaran umat Islam, Hari Raya Aidiladha dan Hari Raya Aidilfitri.

Sempena dengan Hari Raya Haji yang jatuh pada hari Ahad lepas, Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam bte Haji Abdul Aziz telah meraikan seramai lebih 200 orang anak-anak yatim dan orang-orang cacat dari daerah Brunei dan Muara di majlis jamuan makan tengah hari bertempat di Istana Darul Aman, Pekan Muara.

Setelah menikmati juadah, mereka yang diraikan dan para jemputan yang lain berkesempatan ziarah kepada Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan kerabat Diraja. Hadiah-hadiah hari raya juga dibahagikan yang disampaikan oleh putera Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Y.A.M. Pengiran Anak Abd Wadood.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan putera puteri kerabat Diraja yang lain.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang diraikan berkesempatan ziarah kepada Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Kerabat-Kerabat Diraja.

# Kerja2 amal bukti taat setia

(Dari muka 1)

Beliau mengharapkan agar sikap seperti ini akan terus diamalkan oleh mana-mana pihak bagi memudahkan penglibatan kaum wanita di segenap bidang dan aktiviti di negara ini. Kerana menurutnya, sebahagian dari penduduk di negara ini adalah terdiri dari kaum wanita dan tidak seharusnyalah kaum wanita diketepikan.

Katanya lagi bersempena dengan menjelangnya hari kemerdekaan negara kita di tahun depan, Pertubuhan Perkumpulan W.I. telah bercadang bagi memilih sejenis bunga untuk diabadikan sebagai bunga kebangsaan negara Brunei.

Seterusnya di majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berkenan mencabut tiket bertuah serta menyampaikan tiket tersebut yang disumbangkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei bagi tiket percuma ke Bangkok.

Baginda juga berkenan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang bahagian Orkid terbaik dengan hadiah tambang pergi balik ke Singapura yang disumbangkan oleh Syarikat Penerbangan Singapura yang telah dimenangi oleh Kapten Dato Haji Bahar, sementara Gubahan Bunga-Bunga Hidup telah dimenangi oleh Dayang Rogayah bte Othman.

Cenderamata yang merupakan sejambak bunga juga telah dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri oleh Pengerusi Pertunjukan, Dayang Hajjah Marhani.

Turut berangkat ke upacara itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah.

Hadir sama antaranya, isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah, isteri Pesuruhjaya Malaysia di Brunei, isteri Pesuruhjaya Australia di Brunei dan isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan.

# BAAA anjur Temasya sukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Amatur Olahraga Brunei, BAAA akan menganjurkan temasya sukan olahraga seluruh negara sempena Hari Keputeraan tahun ini yang akan berlangsung pada 16 Oktober depan di Padang Kebajikan Berakas bermula jam 8.00 pagi.

Di samping beberapa acara olahraga, temasya ini juga akan dibukakan kepada peserta-peserta veteran bagi 40 tahun ke atas.

Mereka yang berminat sekarang bolehlah mendapatkan borang penyertaan di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama atau di Pusat Belia dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 6 Oktober, depan.

# TIKET2 SEDANG DIJUAL

PENJUALAN ... perlawanan bolasepak ... Pilihan Brunei dengan ... Bolasepak Divisen ... Sheffield United ... diedarkan.

Tiket-tiket tersebut ... $5.00 dan $2.00 boleh ... beberapa tempat ... Bagi Daerah Brunei ... boleh didapati dari ... bin Haji Jumat ... Setiausaha Kerajaan ... Bahagian Penerangan ... Manap bin Haji Abd ... Kantin Pusat Belia ... Jabatan Kebajikan Belia ... Sukan, Tropicana ... Restaurant Muara.

Di Stadium Negara ... Bolkiah iaitu di ... Dewan Kuliah ... Barat yang ... Bolkiah Kem. ... diadakan setiap ... September 83 dari ... hingga 12.00 ... dari 2.00 petang ... petang.

Tiket-tiket tersebut ... didapati di ... pada hari perlawanan ... tiket yang berharga ... di Zon Barat ... sementara tiket ... $2.00 di jual di ... stadium tersebut.

Bagi Daerah Belait ... burong, tiket-tiket ... di Pejabat Daerah ... masing. Di Daerah Tutong ... tiket-tiket boleh ... Awang Deli bin Haji ... Sekolah Inggeris ... Tutong serta Awang ... bin Hitam di ... Tutong.